

## BAB III

### PERBAHASAN SYARAT KESIHATAN FIZIKAL BAGI KETUA NEGARA

#### 3.1. Pengenalan

Mengikuti kajian ulama *salaf*<sup>1</sup> dan *khalaf*<sup>2</sup> mendapati, bahawa perlantikan ketua negara merupakan sesuatu yang wajib dilaksanakan di dalam sesebuah negara yang berdaulat. Pandangan itu telah dikemukakan oleh jumhur fuqaha dari kalangan ahli sunnah seperti, al-Mawardi<sup>3</sup>, Ibnu Khaldun<sup>4</sup>, al-Shawkani<sup>5</sup>, al-Ash'ari<sup>6</sup>, al-Qurtubi<sup>7</sup> dan al-Ghazali<sup>8</sup>. Malahan pandangan tersebut juga sejalan dengan golongan murji'ah dan syi'ah, serta majoriti ulama mu'tazilah dan khawarij<sup>9</sup>. Oleh yang demikian, maka seseorang yang akan menjawat ketua negara mestilah orang yang telah memenuhi

- 
- <sup>1</sup> Ulama *salaf* adalah mereka yang hidup antara tahun 650 - 1800 M, seperti: (1) Ibn Abi Rabi yang hidup di masa khalifah kelapan dinasti Bani Abbas, al-Mu'tasim (218-227 H/ 833-841 M), (2) al-Farabi (257-339 H/ 870-950 M), (3) al-Baqilani (w. 403 H/ 1013 M), (4) al-Baghdadi (w. 429 H/ 1037 M), (5) al-Mawardi (364-450 H/ 975-1059 M), (6) Imam Haramain al-Juwaini (419-478 H/ 1028-1087 M), dan (7) al-Ghazali (450-505 H/ 1058-1111 M) (8) Ibn Taymiyah (661-728 H/ 1262-1328 M), dan (9) Ibn Khaldun (732-808 H/ 1332-1406 M). Ibn Taymiyah dan Ibn Khaldun keduanya dikategorikan sebagai ulama era pertengahan, sebab keduanya hidup di antara tahun 1250-1800 M.
- <sup>2</sup> Sedangkan ulama *khalaf* ialah mereka yang hidup di era kontemporer, kerana mereka hidup antara tahun 1800 – sekarang, mereka seperti: (1) Hasan Ismail Hudaibi, ketua umum al-Ikhwan al-Muslimin dari tahun 1948-1954 M, (2) al-Maududi (1903-1979 M), (3) Muhammad Abdul Qadir Abu Faris, (4) Muhammad Diya al-Din al-Rayis, (5) Abdul Wahab Khallaf, dan (6) Taqiuddin al-Nabhani, al-Maududi said. (Huraian ringkas tersebut dinukil dari buku karya Munawir Sjadzali (1990), *Islam dan Tata Negara: Ajaran, Sejarah dan Pemikiran*. Jakarta: UI Press, h. 41 – 157)
- <sup>3</sup> Abu Hasan 'Ali bin Muhammad bin Habib al-Basri al-Mawardi (1989), *al-Ahkam al-Sultaniyah wa al-Wilayat al-Diniyyah*. c. 1, (Tahqiq: Dr. Ahmad Mubarak al-Baghdadi). Kuwait: Maktabah Dar Ibn Qutaybah, h. 3
- <sup>4</sup> 'Abd al-Rahman bin Khaldun (2003), *Muqaddimah Ibn Khaldun: al-Musamma bi al-Kitab al-'Ibar wa al-'Ajam wa al-Barbar wa Man 'Asraruhum Min Daw'i al-Sultan al-Akhbar*. Bairut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 151
- <sup>5</sup> Muhammad bin 'Ali bin Muhammad al-Shawkani (t.t.), *Nayl al-Awtar Sharh Muntaqa al-Akhbar*, c. akhir, j. 8., Misr: Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babiy al-Halabiy wa Awladuh, h. 288
- <sup>6</sup> Abu al-Hasan 'Ali bin Isma'il al-'Ash'ari (1990), *Maqalat al-Islamiyyin wa al-Ikhtilaf al-Musallin* c. 2, j. 2, Bayrut: Maktabah al-'Asriyyah, h. 149
- <sup>7</sup> Abi 'Abdillah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr al-Qurtubi (2006), *al-Jami li Ahkam al-Qur'an*, (Tahqiq: Dr. 'Abdullah bin 'Abdul Muhsin al-Turki) c. 1, j. 1., Beyrut: Mu'assasah al-Risalah, h. 296
- <sup>8</sup> Abi Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Ghazali (1994), *al-Iqtisad wa al-'Itiqad*, c. 1., Dimasq: al-Hikmah Li al-Tiba'ah wa al-Nashr, h. 200
- <sup>9</sup> Abi Muhammad 'Ali bin Ahmad Ibn Hazmi al-Zahiri (1996), *al-Fasl fi al-Milal wa al-Ahwa wa al-Nihl*, j. 4., Bayrut: Dar al-Jayl, h. 149

beberapa kriteria tertentu yang telah ditentukan dalam al-Qur'an al-Karim dan al-Hadith al-Nabawi.

Syarat-syarat atau kriteria ketua negara telah dirumuskan oleh para ulama *salaf* dan *khalaf* dengan jumlah yang berbeza-beza antara satu dengan yang lainnya. Salah satunya ialah syarat sihat fizikal atau sempurna anggota badan daripada sebarang kecacatan. Pandangan tersebut telah dikemukakan oleh majoriti ulama terkemuka seperti beberapa ulama tersebut di atas. Menurut pandangan mereka, pemimpin mestilah seorang yang sihat dengan maksud sempurna anggota badan, dan tidak tergolong ke dalam golongan orang kurang upaya, seperti hilang pendengaran, penglihatan dan pertuturan, malah terdapat beberapa ulama seperti Nasr Hamid Abu Zayd<sup>10</sup>, Muhammad Diya al-Din al-Rayes<sup>11</sup> dan Abdul Wahab Khallaf<sup>12</sup> telah mengkategorikannya sebagai *al-syarat al-muttafaq 'alayha*, (syarat-syarat ketua negara yang telah disepakati), artinya syarat-syarat tersebut mestilah dipenuhi oleh setiap calon ketua negara.

Penggunaan istilah syarat kesihatan fizikal yang digunakan oleh para ulama umumnya menggunakan kalimat "*salamah al-hawas wa al-a'ada*". Istilah tersebut

---

<sup>10</sup> Nasr Hamid Abu Zayd (1995), *al-Khilafah wa Sultati al-Umah*, c. 2., Kaherah: Dar al-Nahr, h. 102

<sup>11</sup> Muhammad Diya al-Din al-Rayes (t.t.), *al-Nazariyyat al-Siyasiyyah al-Islamiyyah*, c. 7., Kaherah: Dar al-Turath, h. 242

<sup>12</sup> Abdul Wahab Khallaf (1977), *al-Siyasah al-Shar'iyah aw Nizam al-Dawlah al-Islamiyyah fi al-Shu'un al-Dusturiyyah wa al-Kharijiyyah wa al-Maliyyah*,. Kaherah: Dar al-Ansar, h. 55-56

telah dikemukakan antara lain oleh Imam al-Mawardi<sup>13</sup>, al-Ghazali<sup>14</sup>, Ibn Khaldun<sup>15</sup>, al-Mawdudi<sup>16</sup>, Abu Faris<sup>17</sup>, dan Muhammad Diya al-Din<sup>18</sup>. Adapun para ulama yang tidak mengemukakan syarat tersebut antaranya ialah Ibn Hazmi<sup>19</sup>, al-Baghdadi<sup>20</sup>, al-Juwayni<sup>21</sup>, al-Baqilani<sup>22</sup>, al-Baydawi<sup>23</sup>, Abu al-Tana<sup>24</sup>, Qadi Abd al-Jabbar<sup>25</sup> dan al-Shahrastani<sup>26</sup>. Berdasarkan istilah tersebut di atas, maka terdapat dua aspek sihat fizikal iaitu sihat panca indera, dan sempurna anggota badan daripada kecacatan<sup>27</sup>.

Punca berlakunya perbezaan ulama dalam memberikan jumlah persyaran bagi pemimpin, imam atau ketua negara ialah disebabkan kerana tidak terdapatnya nas

- 
- <sup>13</sup> al-Mawardi telah mengkategorikan *salamah al-hawas wa al-a'ada* kedalam tiga bahagian: *Pertama*, kecacatan alat deria yang menegah ketua Negara daripada menjalankan kewajipan kepimpinannya, seperti hilang akal, pekak dan bisu, adapun kehilangan deria penciuman tidak menghalanginya untuk dilantik menjadi ketua Negara. *Kedua*, kecacatan anggota badan iaitu seperti kudung kedua-dua tangan dan kaki, yang menyebabkan terbantutnya pergerakan dan menghalangnya daripada menjalankan tugas dan kewajipan kepimpinannya, adapaun jika kecacatannya hanya kerana terputusnya satu jari, tiada kesan apa-apa baginya untuk menduduki jawatan ketua Negara. *Ketiga*, kecacatan gerak kerja, iaitu keterbatasan yang terdapat pada seseorang seperti *safah* (tidak cerdik) atau *asiran* (tawanan), maka kecacatan atau kekurangan ini hendaklah dihalang, dan tidak boleh dilantik menjadi ketua Negara kerana kelemahan yang terdapat padanya. al-Mawardi (1989), *op.cit.*, h. 23-25
- <sup>14</sup> Abi Hamid al-Ghazali (2001), *Fada'ih al-Batiniyyah*,. Bayrut: al-Maktabah al-'Asriyyah, h. 162
- <sup>15</sup> Ibnu Khaldun (1999), *op.cit.*, h.152
- <sup>16</sup> Sayyid Abu al-A'ala al-Mawdudi (1997), *The Islamic Law and Constitution*, Lahore: Islamic Publication, h. 234
- <sup>17</sup> Muhammad 'Abd al-Qadir Abu Faris (1409), *al-Nizam al-Siyasiy fi al-Islam*, c. 3, Jordan: Dar al-Furqan, h. 234
- <sup>18</sup> al-Rayes (t.t.), *op.cit.*, h. 291
- <sup>19</sup> Ibn Hazmi (1996), *op.cit.*, j. 5, h. 11
- <sup>20</sup> Abi Mansur 'Abd al-Qahir bin Tahir al-Baghdadi (1928), *Usul al-Din*, c. 1., Istanbul: Matba'ah al-Dawlah, h, 277
- <sup>21</sup> Imam al-Haramayn Abi al-Ma'ali al-Juwayni (1400), *Ghiyath al-Umam fi al-Tiyath al-Zulam*, Iskandariyyah: Dar al-Da'wah, h. 225
- <sup>22</sup> al-Qadi Abi Bakr bin al-Tayyib al-Baqilani (2000), *al-Insaf*, c. 2, Misr: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath, h. 66
- <sup>23</sup> al-Qadi Nasir al-Din al-Baydawi (1991), *Tawali' al-Anwar min Matali'i al-Anzar*, c.1., Bayrut: Dar al-Jayl, h. 236
- <sup>24</sup> Abu al-Tana' (1968), *Matali'i al-Anzar*, Kaherah: (t.pt.), h, 470
- <sup>25</sup> Qadi Abd al-Jabbar bin Ahmad al-Hamdani al-Asad Abadi (1965), *Sharh al-Usul al-Khamsah*, Kaherah: Maktabah Mustafa al-Halabi, h.157
- <sup>26</sup> Abu al-Fatah Muhammad bin 'Abd al-Karim al-Shahrastani (1968), *al-Milal wa al-Nihal*,. Kaherah: Maktabah Mustafa al-Halabi, h.57
- <sup>27</sup> Sihat panca deria mencakupi sihat pendengaran, penglihatan dan pertuturan, maksudnya dia tidak pekak, tidak buta dan tidak bisu; Sempurna anggota badan bermaksud tiada terdapat sebarang kekurangan yang menjejaskan pemikiran dan pergerakannya menjadi terganggu; Seperti akal pemikirannya tidak sihat, ketiadaan kedua-dua belah tangan dan kaki. Khallaf (1977) *op.cit.*, h. 6

yang khusus. Adapun nas umum yang menjadi asas perbincangan para ulama ialah firman Allah (s.w.t.) dalam surah al-Baqarah ayat 24, al-Qasas ayat 26 dan beberapa hadits seperti riwayat tentang penyerahan pentadbiran negara *al-Madinah al-Munawwarah* oleh baginda Rasulullah (s.a.w.) kepada ‘Abdullah Ibn Umm Maktum<sup>28</sup>. Oleh yang demikian, maka beberapa ulama telah melakukan ijtihad untuk menentukan syarat-syarat dengan jumlah yang banyak, dan terdapat juga ulama yang meringkaskannya. Sehingga timbul persyaratan yang mereka sepakati dan persyaratan yang tidak mereka sepakati.

Adapun syarat-syarat yang disepakati menurut Jamal Ahmad al-Marakibi ialah: *al-Islam* (iaitu beragama Islam), *al-‘aqlu* (berakal), *al-dhukurah* (orang lelaki), *al-‘adalah* (orang yang mempunyai sifat adil) dan *al-‘ilm* (berpengetahuan). Sedangkan syarat yang tidak mereka sepakati ialah: *al-bulugh*, *al-huriyyah* (merdeka), *al-kifa’ah al-jismiyyah* (sempurna anggota badan), dan *al-qurashiyyah* (berketurunan Quraysh)<sup>29</sup>. Syarat kesihatan fizikal merupakan persyaratan yang paling ramai dikemukakan oleh oleh para ulama *salaf* mahupun *khalaf*. Namun adakah syarat tersebut merupakan syarat mutlak yang wajib dipenuhi bagi mana-mana calon pemimpin atau ketua negara, atau adakah ianya hanyalah merupakan satu syarat kesempurnaan semata?. Untuk merungkai persoalan tersebut, penulis akan menganalisis bersandarkan kepada dua sumber asas utama, iaitu al-Qur’an dan al-

---

<sup>28</sup> Hadith tersebut telah diriwayatkan oleh Abu Daud, lihat Abu Daud Sulayman Ibn al-Ash’ath al-Sajastani al-Azdi (t.t.), *Sunan Abi Dawud*, (Tahqiq: Muhammad Muhyi al-Din ‘Abd al-Hamid), *Bab Imamah al-A’ama*, no. 595, j. 1 dan *Bab fi al-Darir Yuwalla*, no. 2931, j. 4., Bairut: al-Maktabah al-‘Asriyyah, h. 162 dan 131

<sup>29</sup> Jamal Ahmad al-Sayyid Jad al-Marakibi (1414), *al-Khilafah al-Islamiyyah Bayna Nazm al-Hukm al-Mu’asirah*,. Kaherah: Jama’ah Ansar al-Sunnah al-Muhammadiyyah, Idarah al-Da’wah wa al-‘Ilam, Lajnah al-Bahth al-‘Ilmi, h. 315 dan 328

Hadith serta pandangan beberapa ulama terkemuka seperti pandangan yang dikemukakan oleh Imam al-Mawardi.

### 3.2. Syarat Kesehatan Fizikal Menurut al-Qur'an

Allah (s.w.t.) telah menyebutkan di dalam al-Qur'an al-Karim, bahawa kekuatan dan kesihatan fizikal adalah merupakan satu keutamaan yang patut dimiliki oleh seseorang pemimpin.

... إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَاهُ عَلَيْكُمْ وَزَادَهُ بَسْطَةً فِي الْعِلْمِ وَالْجِسْمِ

“... Sesungguhnya Allah telah memilihnya menjadi raja kamu, dan telah mengurniakannya kelebihan dalam ilmu dan kegagahan tubuh”.

Surah al-Baqarah (2): 247

Firman Allah (s.w.t.) tersebut membawa pengertian bahawa, seorang calon ketua negara mestilah ia seorang yang sempurna anggota badannya, atau seseorang yang tidak cacat fizikal.<sup>30</sup> Seperti tangan mahupun kaki yang tidak kudung, anggota badan tidak lumpuh, mata tidak buta, telinga tidak pekak dan mulut tidak bisu<sup>31</sup>, dan gangguan kesihatan yang lainnya yang menyebabkan seseorang tersebut tidak cergas untuk melaksanakan tugas dengan baik sebagai ketua negara. Oleh yang demikian, maka seorang ketua negara mestilah sempurna anggota fizikalnya dan semua anggota panca inderanya berfungsi dengan baik.

Walau demikian, sesungguhnya syarat kesihatan fizikal bagi calon ketua negara tidak dinyatakan dan tidak ditemukan dalam mana-mana Ayat al-Qur'an al-karim secara jelas (*sarih*). Oleh yang demikian, tidak hairan jika para ulama *salaf* ketika mengemukakan syarat-syarat bagi imamah atau ketua negara seperti Imam al-

<sup>30</sup> al-Mawardi, *op. cit.*, h. 5

<sup>31</sup> Mustafa Hilmi (2004), *Nizam al-Khilafah fi al-Fikr al-Islami*, c. 1., Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 351

Mawardi, Imam al-Haramain, Imam al-Ghazali dan sebagainya, mereka tidak menyertakan hujah atau dalil daripada al-Qur'an mahupun al-Hadith, kecuali ketika mereka meletakkan syarat nasab atau keturunan. Realiti tersebut berbeza dengan pandangan ulama-ulama *khalaf*, meskipun sesungguhnya pandangan mereka juga banyak dipengaruhi oleh pandangan ulama-ulama *salaf* terdahulu khususnya pandangan yang dikemukakan oleh Imam al-Mawardi.

Adapun contoh ulama-ulama *khalaf* seperti al-Mawdudi<sup>32</sup>, Muhammad 'Abd al-Qadir Abu Faris, Muhammad Diya al-Din al-Rayis<sup>33</sup>, 'Abd al-Wahab Khallaf, dan Taqi al-Din al-Nabhani. Pandangan mereka terhadap syarat ketua Negara yang dikemukakan, disertai dengan dalil al-Qur'an dan al-Hadith selain mengambil kira pandangan para ulama terdahulu, khususnya pandangan yang dikemukakan oleh Imam al-Mawardi. Adapun dalil daripada al-Qur'an yang berhubungkait dengan syarat kesihatan fizikal antaranya Firman Allah (s.w.t.) dalam Surah al-Baqarah Ayat 247 sepertimana tersebut di atas. Point pembahasan dalam konteks ayat tersebut ialah perkataan "*Bastatan fi al-'ilmi wa al-jism*", persoalannya ialah adakah penggunaan ayat tersebut sesuai dijadikan sebagai hujah bagi syarat calon ketua negara atau tidak?.

Menurut al-Khazin<sup>34</sup> dalam tafsirnya berpendapat bahawa maksud ayat tersebut mempunyai beberapa versi yang berbeza, perkataan *al-'ilmi* bermaksud *Talut* adalah orang yang mempunyai ilmu pengetahuan yang paling tinggi di kalangan kaum Bani Israil; dia adalah orang yang mendapatkan wahyu ketika dia dilantik menjadi

---

<sup>32</sup> Abu al-'A'ala al-Mawdudi (1978), *al-Khilafah wa al-Muluk*, c. 1. Kuwait: Dar al-Qalam, h. 24-25

<sup>33</sup> Muhammad Diya al-Din al-Rayis (t.t.), *al-Nazariyyat al-Siyasiyyah al-Islamiyyah*, c. 7., Kaherah: Dar al-Turath, h. 291

<sup>34</sup> 'Alau al-Din 'Ali bin Muhammad bin Ibrahim al-Baghdadi, al-Ma'ruf bi al-Khazin (t.t), *Bab al-Ta'wil fi Ma'ani al-Tanzil*, j. 1., (t.tp): (t.pt.), h. 191

Raja; dia adalah orang yang mempunyai kepakaran dalam bidang ilmu peperangan. Manakala maksud *al-jism* pula ialah *Talut* mempunyai saiz badan yang paling tinggi di kalangan kaum Bani Israil; dia mempunyai paras rupa yang kacak malah dia adalah orang yang paling kacak di kalangan kaumnya; dan ada juga yang mengertikan maksud *al-jism* ialah kekuatan anggota badan, pandangan tersebut boleh diterima, kerana ilmu peperangan dengan kekuatan fizikal mempunyai hubungkait dengan fungsi Talut sebagai Raja dalam melindungi kerajaannya<sup>35</sup>.

Sedangkan pandangan menurut Ibn Kathir<sup>36</sup> maksud “*Bastatan fi al-‘ilmi wa al-jism*” ialah Talut adalah seorang yang paling mulia, paling kacak, paling kuat dan paling sabar di medan peperangan serta dialah yang paling menguasai ilmu strategi perang, sehingga menurut beliau seorang Raja atau Ketua Negara mestilah seseorang yang mempunyai ilmu yang tinggi, memiliki paras rupa yang kacak dan juga mempunyai kekuatan dalam jiwa dan raganya. Pandangan tersebut senada dengan Imam al-Qurtubi<sup>37</sup> yang menyatakan bahawa ayat tersebut mengisyaratkan bagi seorang ketua negara mestilah mempunyai ketinggian ilmu dan kekuatan fizikal serta sihat anggota badan. Berbeza dengan tafsiran mengikut al-Baghawi<sup>38</sup> yang berpendapat bahawa maksud *al-jism* ialah *Talut* adalah seorang yang paling tinggi dan paling kacak dikalangan Bani Israil, beliau sama sekali tidak mentafsirkan *al-jism* dengan kekuatan dan kesihatan fizikal.

---

<sup>35</sup> Nasir al-Din Abu al-Khair ‘Abdullah bin ‘Umar bin Muhammad al-Baydawi (t.t.), *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta’wil*, j. 1., Bairut: Dar al-Ihya al-Turath al-‘Arabiyy, h. 150

<sup>36</sup> Abu al-Fida ‘Isma’il bin ‘Umar bin Kathir al-Qurayshi al-Dimashqiyy (1999), *Tafsir al-Qur’an al-Azim*, (Tahqiq: Sami bin Muhammad Salamah), c. 2., v. 1., Kaherah: Dar Tayyibah li al-Nashr wa al-Tawzi’i, h. 666.

<sup>37</sup> Abi ‘Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Qurtubi al-Ansari (t.t.) *al-Jami’ li Ahkam al-Qur’an*, j. 1, Kaherah: Dar al-Fikr, h. 271

<sup>38</sup> Abu Muhammad al-Husain bin Mas’ud al-Baghawi (1997), *Ma’alim al-Tanzil*, (Tahqiq: Muhammad Abdullah al-Namir *et.al*), c. 4, j. 1. Kaherah: Dar al-Tayyibah li al-Nashr wa al-Tawzi’, h. 297.

Shihabuddin al-Alusi berpandangan bahawa salah satu alasan kenapa Allah (s.w.t.) dalam Ayat tersebut mendahulukan kalimat “*al-‘ilmi*” daripada “*al-jism*” menunjukkan satu isyarat bahawa sesungguhnya keutamaan batiniah (*al-nafsaniyyah*) bagi seorang ketua negara adalah lebih agung dan lebih mulia berbanding keutamaan fizikal (*al-jasmaniyyah*)<sup>39</sup> dan perkataan “*al-‘ilmi wa al-jism*” pada ayat tersebut adalah merupakan pemberian khas oleh Allah (s.w.t.) kepada ketua-ketua negara yang adil sahaja, sedangkan bagi ketua-ketua negara yang zalim tidak berhak menerima anugerah tersebut daripada Allah (s.w.t.)<sup>40</sup>, tetapi menurutnya lagi jika seorang ketua negara yang dilantik telah hilang kekuatan sokongan politik rakyat, hilang kemampuan dalam menerajui negara dan hilang sensitiviti pada anggota panca indera, maka ia layak untuk dilucutkan jawatannya<sup>41</sup>. Artinya jika ketua negara masih sihat akal pemikirannya, dan ia masih mampu memimpin rakyatnya secara adil dan bijaksana, maka ia masih layak untuk menjadi ketua negara.

Adapun kalimat “*al-‘ilmi wa al-jism*” menurut pengarang *tafsir al-wasit* mempunyai tiga kriteria utama bagi ketua Negara. Pertama, ketaatan ke atas penyerahan Allah terhadap kita untuk mencari ketua Negara yang memiliki sifat adil hukumnya adalah wajib. Kedua, kemestian kita dalam menentukan ketua negara yang mempunyai keunggulan dalam ilmu pengetahuan dan wawasan ke hadapan. Ketiga, kemestian mencari ketua negara yang mempunyai fizikal yang kuat, perkasa dan mulia (moraliti yang baik). Ketiga-tiga kriteria tersebut tidak mungkin ada pada diri

---

<sup>39</sup> Shihabuddin Mahmud bin ‘Abdullah al-Husaini al-Alusi (t.t.), *Ruhu al-Ma’ani fi Tafsir al-Qur’an al-‘Azim wa al-Sab’i al-Mathani*, j. 2, h. 291

<sup>40</sup> Fakhrudin, Muhammad bin ‘Umar bin al-Hasan bin al-Husain al-Tayami al-Razi (t.t.), *Mafatih al-Ghayb*, j. 4, h. 162.

<sup>41</sup> *ibid*



seseorang, melainkan ia adalah seorang yang mempunyai kepakaran dalam kepemimpinan dan pentadbiran<sup>42</sup>.

Menurut pandangan al-Khazin<sup>43</sup> ayat ini bertitik tolak dari kisah tentang keadaan Bani Israil pada satu ketika dahulu, dimana kehidupan mereka di tanah suci Palestin berada dalam keadaan kelam-kabut dan huru-hara disebabkan oleh kezaliman musuh-musuh luar yang menyerang dan mengganggu kehidupan mereka, sehingga menyebabkan kehidupan mereka merasa terganggu dan tidak selesa dengan penganiayaan yang dilakukan oleh musuh-musuh mereka, sehingga gangguan tersebut telah mencapai satu tahap yang keterlaluan iaitu lenyapnya barangan berharga yang disebut “*Tabut*”<sup>44</sup> yang dimiliki oleh kaum Bani Israil telah dicuri oleh musuh mereka. Akibat dari penindasan tersebut akhirnya mereka merasa diri mereka amat terhina dan menderita termasuklah pembesar-pembesar mereka, maka tumbuh dalam diri mereka satu azam dan niat kuat untuk merubah keadaan tersebut, dan pada masa yang sama mereka juga menginginkan satu kemenangan di atas musuh mereka, kerana mereka juga sudah merasa bosan menjadi bangsa yang ditindas, maka bagi pendapat mereka satu-satunya cara untuk keluar dari penindasan tersebut ialah berperang sehingga ketitik darah penghabisan.

---

<sup>42</sup> Sayyid Muhammad Tantawi (t.t.), *al-Tafsir al-wasit*, j. 1, h. 454

<sup>43</sup> al-Khazin (t.t.) *op. cit.*, h. 189-190

<sup>44</sup> “*Tabut*” ialah merupakan satu-satunya barang pusaka yang paling berharga peninggalan daripada keluarga Nabi Musa dan keluarga Nabi Harun (a.s.), ianya merupakan sejenis kotak yang diperbuat daripada kayu shamshad, mempunyai ketinggian tiga kaki dan lebar dua kaki, di dalamnya terdapat gambar para nabi (a.s.), yang diperturunkan Allah (s.w.t.) kepada Nabi Adam dan diwariskan kepada Nabi Shith dan anak-anak Nabi Adam yang lain, sehinggalah sampai kepada Nabi Ibrahim, Nabi Ismail, Nabi Ya’kub dan Nabi Musa, di tangan Nabi Musa kotak tersebut digunakan untuk menyimpan kitab Taurat dan barangan-barangan berharga yang lain sehingga beliau meninggal dunia, kemudian kotak tersebut diwariskan kepada Nabi-Nabi Bani Israil yang lain dan terakhir di tangan Nabi Ishmawel yang terdapat di dalam ayat surah al-Baqarah; lihat: Abu Muhammad al-Husayn bin Mas’ud al-Baghawi (1998), *Ma’alim al-Tanzil*, c. 4, v. 1, (Tahqiq: Muhammad ‘Abdullah al-Namr, *et.al*), Riyadh: Dar Tayyibah li al-Nshr wa al-Tawzi‘i, h. 289

Oleh kerana itu, maka para pembesar Bani Israil berpakat memutuskan untuk berjumpa dengan Nabi mereka iaitu Shamwel (a.s.) untuk meminta petunjuk dan bantuan agar dipilihkan salah seorang dari kalangan Bani Israil menjadi pimpinan perang mereka, yang sanggup dan mampu memberikan kemenangan besar kepada mereka dalam mengalahkan musuh-musuh Bani Israil, sepertimana yang telah digambarkan oleh Allah (s.w.t.) dalam firman-Nya berbentuk dialog yang terdapat dalam surah al-Baqarah seperti berikut:

إِذْ قَالُوا لِنَبِيِّ لَّهُمْ أَبْعَثْ لَنَا مَلِكًا نُنْفِلَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ

(Ingatlah) ketika mereka berkata kepada seorang Nabi mereka: Lantiklah seorang raja untuk kami, supaya kami boleh berperang (bersama-sama dengannya) pada jalan Allah.

Surah al-Baqarah (2): 246

Ketika mereka sampai di tempat yang dituju dimana Nabi mereka tinggal, lalu merekapun menghadap Nabi Shamwel (a.s.), seraya menyampaikan hasrat kedatangan mereka kepada beliau, lalu berlakulah dialog antara pembesar-pembesar Bani Israil dengan Nabi Shamwel (a.s.). Sesungguhnya beliau telah masak betul dengan perangai belang mereka dan beliau juga mengetahui betul karakter dan tabiat Bani Israil jika mereka diperintahkan untuk berperang nescaya sebahagian besar dari kalangan mereka akan lari dan tidak mahu pergi ke medan perang. Akhirnya Nabi Shamwel (a.s.) menjawab sepertimana yang Allah gambarkan dalam bentuk dialog dalam surah al-Baqarah ayat 246:

قَالَ هَلْ عَسَيْتُمْ إِنْ كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِتَالُ أَلَّا تُقَاتِلُوا

Nabi mereka menjawab: Tidakkah harus, jika kamu kelak diwajibkan berperang, kamu tidak akan berperang?

Surah al-Baqarah (2): 246

Walau bagaimanapun setelah Nabi Shamwel (a.s.) mendengar penjelasan dan alasan yang logik daripada umatnya, maka Nabi Ishmawel pun segera berdoa memohon kepada Allah (s.w.t.) untuk memperkenankan permintaan mereka, dan pada akhirnya Allah juga mengabulkan permintaan Bani Israil tersebut dengan mewahyukannya kepada Nabi Shamwel (a.s.), kemudian beliau menyampaikannya kepada umatnya bahwa pemimpin yang mereka inginkan tersebut berada dikalangan mereka sendiri dan dia adalah orang yang bernama *Talut*, dialah pemimpin yang paling sesuai yang telah Allah pilih untuk menuju kejayaan yang kalian idam-idamkan untuk meraih kemenangan gilang-gemilang, sepertimana firman Allah (s.w.t.):

وَقَالَ لَهُمْ نَبِيُّهُمْ إِنَّ اللَّهَ قَدْ بَعَثَ لَكُمْ طَالُوتَ مَلِكًا

“Dan Nabi mereka pula berkata kepada mereka: Bahawasanya Allah telah melantik Talut menjadi raja bagi kamu”.

Surah al-Baqarah (2): 247

Tetapi setelah mereka diberitahu tentang khabar gembira tersebut oleh Nabi mereka, secara spontan mereka menjawab dan tidak menerima *Talut* sebagai pemimpin mereka, dengan alasan kerana dia bukan seorang pemimpin dari kalangan bangsawan Bani Israil seperti tradisi yang berlaku selama ini. Penolakan mereka tersebut sepertimana yang Allah gambarkan dalam ayat yang sama seperti berikut:

قَالُوا أَنَّى يَكُونُ لَهُ الْمَلِكُ عَلَيْنَا وَنَحْنُ أَحَقُّ بِالْمَلِكِ مِنْهُ وَلَمْ يُؤْتَ سَعَةً مِنَ الْمَالِ

Mereka menjawab: Bagaimana dia mendapat kuasa memerintah kami sedangkan kami lebih berhak dengan kuasa pemerintahan itu daripadanya, dan ia pula tidak diberi keluasan harta kekayaan?

Surah al-Baqarah (2): 247

Nabi Shamwel (a.s.) sungguh sangat terkejut mendengar jawapan mereka seperti itu, padahal pada awal-awalnya mereka tidak meminta raja daripada keturunan bangsawan, maka dengan sabar beliau menjelaskan tentang syakhsyiah yang terdapat

dalam diri *Talut*, bahawa dia adalah seorang yang berhak menjadi raja yang layak bagi mereka mengikut pertimbangan Allah (s.w.t.), dan perkara tersebut sememangnya diperlukan keimanan yang ikhlas untuk menerimanya, dan Allah (s.w.t.) memilihnya untuk menjadi ketua Negara atau raja di antara kalangan Bani Israil disebabkan *Talut* mempunyai beberapa kelebihan yang menyerlah berbanding dengan yang lain-lainnya, selain itu dia juga mempunyai kelebihan dari aspek ilmu pengetahuan yang kuat dan kekuatan fizikal yang sesuai untuk menjadi panglima perang, ini dijelaskan Allah dalam firman-Nya:

قَالَ إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَاهُ عَلَيْكُمْ وَزَادَهُ بَسْطَةً فِي الْعِلْمِ وَالْجِسْمِ وَاللَّهُ يُؤْتِي  
مُلْكَهُ مَن يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ.

“Nabi mereka berkata: Sesungguhnya Allah telah memilihnya menjadi raja kamu, dan telah mengurniakannya kelebihan dalam ilmu dan kegagahan tubuh. Dan Allah memberikan kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya; dan Allah Maha Luas rahmatnya dan pengurniaan-Nya, lagi meliputi ilmu-Ny.

Surah al-Baqarah (2): 247

Melalui penjelasan yang logik tersebut disertai dengan bukti-bukti yang terdapat pada pribadi *Talut*, akhirnya merekapun akur dengan Nabi mereka, dan sebagai penguat hujah untuk meyakinkan mereka, maka Shamwel (a.s.) berkata, “sesungguhnya tanda-tanda yang ia akan menjadi seorang raja bagi kalian ialah kembalinya *Tabut* kepada kalian yang akan dibawa oleh malaikat”. Perkataan Nabi Shamwel (a.s.) tersebut telah memberikan semangat hidup mereka, dan sememangnya benar apa yang dijanjikan oleh Nabi mereka tersebut, Allah (s.w.t.) telah mengutus seorang Malaikat untuk mengambil *Tabut* tersebut dan membawanya kepada mereka tanpa melalui peperangan dengan musuh-musuh Bani Israel. Ini merupakan bukti dan petunjuk bahawa Allah dan para Malaikat meridhai *Talut* sebagai pemimpin mereka. Janji yang diucapkan Nabi mereka benar belaka, kerana tidak lama kemudian seorang

Malaikat datang kepada mereka dan akhirnya *Talut* menjadi raja Bani Israel dan memerintahkan mereka untuk bersiap-siap berperang.

Perkiraan dan jangkauan yang Nabi Shamwel (a.s.) ramalkan ternyata semua menjadi kenyataan, ini dibuktikan dengan firman Allah (s.w.t.) yang terdapat dalam surah al-Baqarah pada akhir ayat 246 tentang keengganan mereka untuk berperang dan ayat-ayat seterusnya iaitu ayat 248 hingga ayat 252 tentang perbuatan khianat mereka dan sifat-sifat keburukan yang lain yang terdapat pada kaum Bani Israil. Seperti ketika mereka berada di tengah perjalanan menuju medan perang, *Talut* yang kini menjadi pimpinan mereka memberi pesan bahawa Allah akan menguji mereka dengan sebuah sungai, “Ketika melelalui sungai itu, jangan sesekali ada yang meminum airnya, dan barang siapa meminumnya berarti ia bukan seorang prajurit yang patuh dan ia bukan dari golonganku, dan barang siapa taat atas perintah Allah maka ia akan tetap bersamaku”. Walau begitu *Talut* hanya membolehkan meminumnya dengan kadar seteguk sahaja yang diambil dengan menggunakan tangan agar bibir tidak kering. Tetapi ketika mereka sampai di tepian sungai, kebanyakan mereka telah melanggar perintah *Talut* tersebut, melainkan sebahagian kecil sahaja yang tetap setia kepada *Talut*, sehingga sesuai dengan ancamannya beliau telah meninggalkan mereka yang melanggar perintahnya, dan mengajak pasukannya yang sedikit untuk segera berangkat menuju ke medan peperangan.

Contoh pengkhianatan yang lainnya seperti ketika mereka tiba di medan peperangan, ketika pasukan tentera mereka menyedari bahawa jumlah pasukannya lebih sedikit berbanding dengan jumlah pasukan musuh, sehingga jauh sebelum pertempuran dimulai mereka telah merasa gentar dan takut untuk melakukan

pertempuran melawan musuh-musuh mereka yang berjumlah lebih besar. Melihat situasi tersebut maka pihak musuh yang berjumlah besar yang berada di bawah kepemimpinan Jalut (*Gholiat*), telah mengambil peluang tersebut untuk menakutkan pihak musuh, dan ternyata taktik tersebut telah membawa hasil, sehingga pasukan Bani Israel berkata kepada *Talut*: “Hari ini kami tiada kekuatan untuk melawan Jalut beserta pasukannya, dan kami tidak berani untuk berperang melawan mereka”, lalu tanpa rasa berdosa mereka pun pergi meninggalkan medan peperangan, meninggalkan *Talut* bersama beberapa orang tenteranya yang setia kepadanya, di antara pasukan yang setia itu ialah Nabi Daud (a.s.) yang ketika itu dia belum lagi diangkat menjadi Rasulullah dan belum menjadi Raja.

Melihat situasi tersebut, maka *Talut* dengan tenang dan bijaksana telah memberikan kata-kata perangsang untuk memberikan semangat dan rasa ketentraman terhadap pasukannya, sambil berkata: “Berapa banyak golongan yang sedikit berjaya menewaskan golongan yang banyak dengan izin Allah; dan Allah (sentiasa) bersama-sama orang yang sabar”, dan ketika *Talut* bersama sisa pasukannya memasuki medan peperangan mereka berdoa kepada Allah (s.w.t.) dengan khusyu: “Wahai Tuhan kami! Limpahkanlah sabar kepada kami, dan teguhkanlah tapak pendirian kami, serta menangkanlah kami terhadap kaum yang kafir”. Akhirnya dengan izin Allah salah seorang prajurit bernama Daud di bawah arahan *Talut*, dengan gagah berani telah maju ke hadapan barisan dimana Raja Jalut berada dan kemudian diapun membunuhnya dengan tangannya sendiri, sehingga akhirnya *Talut* dan pasukannya mendapatkan kemenangan yang besar dengan pertolongan Allah (s.w.t.) dan setelah peperangan tersebut berakhir, *Talut* dan pasukannya kembali ke negeri Palestin dengan membawa kemenangan yang gilang-gemilang, walaupun perjalanan peperangan tersebut telah

dicemari oleh perbuatan sebagian pasukan Bani Israil yang mengkhianati *Talut* dengan melarikan diri daripada medan peperangan, tidak lama selepas peperangan itu Daud diangkat menjadi seorang Raja Bani Israil menggantikan kedudukan *Talut*, dan dia telah dikaruniakan Allah dengan ilmu yang banyak. Berdasarkan huraikan daripada surah al-Baqarah ayat 247 tersebut di atas, dapat diambil beberapa hukum yang berkaitan dengan sifat-sifat atau syarat kesihatan fizikal bagi calon ketua negara seperti berikut:

1. Ketua negara mestilah seseorang yang mempunyai kekuatan fizikal, iaitu sihat anggota badan dari sebarang kecacatan dan sempurna alat deria, sehingga ia mampu untuk melakukan tugas sebagai ketua negara.
2. Mestilah memiliki ilmu pengetahuan yang luas dan mempunyai kecerdasan pemikiran, sehingga dia mampu untuk mengetahui di mana terletaknya kekuatan umat serta kelemahannya, sehingga dia dapat menguruskannya dengan penuh tanggungjawab dan bijaksana.
3. Memiliki ketaqwaan yang tinggi kepada Allah (s.w.t.), untuk mengatasi segala kesukaran yang tidak mungkin diatasi sendiri melainkan dengan taufiq dan hidayah-Nya.

Adapun ayat kedua yang digunakan sebagai hujah oleh fuqaha bagi menyokong pandangannya tentang syarat kesihatan dan tidak cacat fizikal bagi calon ketua negara ialah surah al-Qasas ayat 26 yang berbunyi:

..... إِنَّ خَيْرَ مَنْ اسْتَجَرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ  
“..... sesungguhnya sebaik-baik pekerja ialah yang kuat, lagi amanah”.

Surah al-Qasas (28) : 26

Majoriti ulama tafsir mentafsirkan perkataan “*al-qawiyy al-amin*” dalam ayat tersebut di atas dengan maksud kekuatan yang luar biasa yang ditunjukkan Nabi Musa ketika dia mengangkat penutup perigi yang sepatutnya ia hanya boleh diangkat oleh 30 saiz orang lelaki dewasa<sup>45</sup>. Dalam riwayat yang lain, menurut ‘Amru bin Maymun dan al-Shawkani 10 saiz orang lelaki dewasa<sup>46</sup>. Menurut satu pandangan dalam tafsir al-Baghawi kekuatan yang menyamai 40 saiz orang lelaki dewasa. Sedangkan maksud “*al-amin*” ialah sifat jujur Nabi Musa ketika dia melihat betis kaki dua orang perempuan yang berada dihadapannya semasa ditiup angin kencang dalam perjalanan menuju ke kediaman Nabi Shu’ayb lalu dia berkata: امشى خلفى ودلتى على الطريق “berjalanlah di belakangku, dan tunjukkanlah kemana arah jalan yang hendak dituju<sup>47</sup>.”

Sementara maksud “*al-qawiyy al-amin*” menurut Imam al-Mawardi kekuatan yang terletak pada badannya dan kejujuran yang terletak pada kemuliaannya<sup>48</sup>, kedua-dua sifat tersebut tidak akan diperolehi seseorang selagi keduanya belum sehati dengan sifat “*al-fatanah wa al-kiyasah*” (kecerdikan dan kepandaian)<sup>49</sup> yang terdapat pada pribadi orang tersebut. Maka Sayyid Qutub berkata: Jika kekuatan yang dimiliki oleh seseorang yang dimanfaatkan untuk kerja-kerja yang baik serta sifat jujur yang diamalkan kejujurannya tersebut untuk menjaga sesuatu yang diamanahkan kepadanya, maka berarti orang tersebut juga akan berbuat jujur terhadap amanah-amanah yang lainnya<sup>50</sup>, sehingga di akhir pembahasan tentang ayat tersebut di atas beliau menyatakan seperti berikut:

---

<sup>45</sup> Abi Ja’far Muhammd bin Jarir al-Tabari (2001), *Tafsir al-Tabari Jami’ al-Bayan ‘An Ta’wil Ay al-Qur’an*, j. 18., Kahirah: Hijr li al-Tiba’ah w al-Nashr, h. 222

<sup>46</sup> Muhammad bin ‘Ali bin Muhammad al-Shawkani (1994), *Fathu al-Qadir al-Jami’ Bayna Fanni al-Riwayah wa al-Dirayah min ‘Ilmi al-Tafsir*, j. 4., Bairut: Dar al-Wafa, h. 222

<sup>47</sup> al-Qurtubi, *op.cit.*, j. 13, h. 273; al-Baghawi, *op.cit.*, j. 6, h. 202; al-Razi, *op.cit.*, j. 12, h. 75; Ibn al-Jawzi, *Zad al-Masir*, j. 5, h. 46

<sup>48</sup> al-Mawardi (t.t.), *al-Nukatu wa al-‘Uyun*, j. 4., Bairut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 248

<sup>49</sup> al-Razi, *op.cit.*, j. 12, h. 75

<sup>50</sup> Sayyid Qutub (2003), *Tafsir fi Zilal al-Qur’an*, c. 32, j. 5., Kaherah: Dar al-Shuruq, h. 2687



ولا حاجة لكل ما رواه المفسرون من دلائل قوة موسى. كرفع الحجر الذي يغطي البئر وكان لا يرفعه فيما قالوا إلا عشرون أو أربعون أو أكثر أو أقل. فالبئر لم يكن مغطى، إنما كان الرعاء يسقون فتحاهم وسقى للمراتين، أو سقى لهما مع الرعاء.

Tidak perlu diperbahaskan semua apa yang diriwayatkan oleh mufassirin tentang bukti-bukti kekuatan Nabi Musa dalam ayat tersebut, seperti cerita mengenai kekuatan Nabi Musa (a.s.) ketika mengangkat batu penutup perigi dengan tangannya sendiri, kerana kononnya belum pernah ada orang yang mampu mengangkatnya kecuali dengan kekuatan 20 atau 40 orang lelaki dewasa atau lebih, kerana pada kebiasaannya perigi tersebut tidak ditutup bagi membolehkan para penggembala memberikan minum kepada binatang ternak mereka, dan Nabi Musa menolong dua anak gadis Nabi Shu'ayb bagi membolehkannya memberikan minuman untuk binatang ternaknya dari perigi tersebut, atau mungkin ia membantu kedua gadis tersebut sekali dengan penggembala-penggembala yang lain<sup>51</sup>.

Seterusnya beliau berkata: “Demikian juga kita tidak perlu memperbahaskan dalil-dalil tentang kejujuran Nabi Musa (a.s.) ketika dia berkata kepada dua orang gadis puteri Nabi Shu'ayb kerana khawatir dia akan melihat kembali aurat keduanya yang terbuka sehingga ternampak betis ketika pakaiannya ditiup angin kuat, selepas itu Nabi Musa berkata: *“Berjalanlah di belakangku, dan tunjukkanlah arah jalan kepadaku”*. Semua riwayat tersebut di atas akan menjadi bebanan, oleh kerananya ia tidak perlu diperbahaskan panjang lebar demi untuk menghindari keragu-raguan yang sebenarnya tidak wujud, kerana sesungguhnya Nabi Musa (a.s.) dari awal lagi diketahui ia adalah seorang yang sentiasa menjaga pandangannya lagi bersih perasaannya, begitu juga sebaliknya kesucian dan kejujuran yang terdapat pada keduanya tidak memerlukan kepada adanya bebanan tersebut semasa keduanya bertemu, kerana kesucian yang terdapat padanya telah mencerminkan kepada perbuatannya yang normal dan semulajadi tanpa adanya sifat kepura-puraan dan tanpa dibuat-buat. Sementara Nabi Shu'ayb (a.s.) ketika menerima cadangan putrinya

---

<sup>51</sup> *Ibid*

tersebut, sebenarnya naluri perasaannya jauh lebih merasai (menyedari) daripada perasaan putrinya dan perasaan Nabi Musa yang memiliki sifat kejujuran yang tinggi, dan keinginan yang suci lagi tulus, kiranya amat sesuai untuk disatukan menjadi anak menantunya menjadi sesebuah keluarga”<sup>52</sup>.

Adapun kekuatan yang dimaksud dalam ayat 26 tersebut, menurut pandangan Quraish Shihab seorang cendekiawan pakar tafsir dalam bukunya menyatakan bahawa: kekuatan tersebut meliputi kekuatan dalam pelbagai bidang, oleh kerana itu terlebih dahulu mestilah dilihat pada jawatan apa yang ia akan pikul pada calon yang dipilih, sedangkan *al-amin* bermaksud integriti pribadi yang menuntut adanya sifat amanah, sehingga ia nanti tidak merasa bahawa apa yang berada dalam kekuasaannya merupakan hak pribadi, tetapi hak pemberi amanah, (samada rakyat dalam jumlah besar mahupun jamaah dalam jumlah kecil), maka amanah tersebut mesti dijaga dan dipelihara dengan sebaik-baiknya, dan jika bila-bila masa sahaja amanah tersebut diminta kembali, maka ia mesti dengan rela hati mengembalikannya kepada yang berhak<sup>53</sup>.

Berbeza dengan kajian yang pernah dibuat oleh Mujar Ibnu Syarif<sup>54</sup> dalam bukunya beliau menyatakan bahawa: Ketua Negara yang mempunyai bentuk fizikal dan mental yang kuat serta boleh dipercayai iaitu pada perkataan “*al-qawiyy al-amin*” dalam Surah al-Qasas Ayat 26 tersebut di atas adalah merupakan istilah yang merujuk kepada dua sifat yang dimiliki oleh Nabi Musa (a.s.) sementara jika disebut perkataan “*al-amin*” (yang dipercayai) sahaja tanpa didahului oleh perkataan “*al-qawiyy*”, dapat

---

<sup>52</sup> *Ibid*

<sup>53</sup> M. Quraish shihab (2004), *Tafsir al-Mishbah: Pesan, Kesan dan Keserasian al-Qur'an*, c. 2., v. 10. Jakarta: Penerbit Letera Hati, h. 334

<sup>54</sup> Mujar Ibnu Syarif (2006), *Presiden Non Muslim di Negara Muslim*. Jakarta: Pustaka Sinar Harapan, h. 42

merujuk kepada sifat yang dimiliki oleh Nabi Muhammad (s.a.w.) Adapun ketua negara yang mempunyai kekuatan fizikal dan juga mempunyai ilmu atau wawasan yang luas, pada Ayat 247 Surah al-Baqarah sepertimana yang disebutkan di atas iaitu pada kalimah “*bastatan fi al-ilmi wa al-jism*” adalah merupakan istilah sifat khas yang dimiliki oleh Raja Talut. Bukti sejarah menunjukkan bahawa Nabi Musa (a.s.), Raja Talut dan Nabi Muhammad (s.a.w.) mereka ketiganya merupakan nama-nama tokoh utusan Allah yang terbilang dan terbukti berjaya dalam menunaikan tanggungjawab mereka terhadap tugas mereka masing-masing.

### 3.3. Syarat Kesihatan Menurut al-Hadith al-Nabawi

Adapun hujjah yang penulis jumpai dalam hadith al-Nabawi juga tidak banyak, dan satu-satunya dalil yang digunakan oleh sebahagian fuqaha dalam mendokong pandangan mereka terhadap isu syarat kesihatan fizikal bagi ketua negara ialah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Dhar.

عَنْ أَبِي ذَرٍّ قَالَ: قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَلَا تَسْتَعْمِلُنِي؟ قَالَ: فَضْرَبَ بِيَدِهِ عَلَيَّ مِنْ كَيْبِي ثُمَّ قَالَ: يَا أَبَا ذَرٍّ إِنَّكَ ضَعِيفٌ وَإِنَّهَا أَمَانَةٌ، وَإِنَّهَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ خِزْيٌ وَنَدَامَةٌ إِلَّا مَنْ أَحَدَهَا بِحَقِّهَا وَأَدَّى الَّذِي عَلَيْهِ فِيهَا.

“Hadith daripada Abu Zar berkata, saya bertanya kepada Rasulullah, mengapa engkau tidak meminta saya menyandang sebuah jawatan?” Abu Zar berkata lagi, lalu Rasulullah menepuk bahu saya dengan tangannya sambil berkata: “Wahai Abu Zar, sesungguhnya kamu adalah seorang yang lemah. Padahal, jawatan itu sesungguhnya adalah amanat (yang berat untuk ditunaikan) dan sesungguhnya ia pada hari kiamat nanti ditimpa kehinaan dan penyesalan, melainkan jawatan tersebut disandang oleh orang yang berkelayakan terhadapnya, dan orang yang telah menunaikan amanah dan tanggungjawab jawatannya selama tempoh ia menjawat”<sup>55</sup>.

<sup>55</sup> Imam Abi al-Hasan Muslim bin al-Hajjaj al-Qushayri al-Nayhaburi (1991), Sahih Muslim, c. 1, j. 3, Kitab al-Imarah, Bab Karahah al-Imarah bi Ghairi Darurah, no hadith: 1825, Kaherah: Dar al-Hadith h. 1458.

Hadith tersebut menurut Imam al-Nawawi dalam syarahnya menyatakan bahawa ianya merupakan asas larangan yang jelas bagi melantik pemimpin atau ketua negara yang mempunyai ketidak upayaan (kelemahan) di dalam mentadbir hal-ehwal negara yang dikuasainya<sup>56</sup>. Maksud pemimpin yang mendapatkan kesedihan dan penyesalan di hari kiamat nanti adalah merupakan pemimpin yang sememangnya tidak layak menjawat jawatan tertentu kerana ia tidak berkemampuan dan tidak mempunyai kepakaran dalam bidang pentadbiran, atau jika seseorang itu mampu mentadbir tetapi ia tidak mampu melaksanakan tanggungjawabnya secara adil, maka orang yang sedemikian tersebut menurut al-Nawawi<sup>57</sup> juga ia sebenarnya tidak layak untuk menjawat sebarang jawatan, tetapi jika dijumpai orang yang mempunyai kemampuan dari aspek pentadbiran ditambah dengan mempunyai kemampuan untuk melaksanakan tugas kepimpinan secara adil dan bijaksana, maka sesuatu jawatan tersebut adalah amat sesuai baginya.

Kedudukan ketua negara yang mempunyai salah satu ciri tersebut di atas, telah disebutkan banyak dalam hadith-hadith sahih antaranya sabda Rasulullah (s.a.w.):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللَّهُ تَعَالَى فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ إِمَامٌ عَدْلٌ....

Tujuh golongan yang akan mendapat naungan Allah (s.w.t.) disaat tidak ada lagi seorangpun yang mendapatkan naungan kecuali naungan Allah (s.w.t.) di hari kiamat nanti, iaitu imam yang adil<sup>58</sup>.

Penjelasan lain daripada hadith Abu Zar tersebut di atas telah dinyatakan oleh al-Tahawi, bahawa Rasulullah (s.a.w.) kurang menyukai sikap yang ditunjukkan oleh Abu

<sup>56</sup> Abu Zakaria Yahya bin Syaraf bin Muri al-Nawawi (t.th.), *al-Minhaj Sharh Sahih Muslim al-Hujjaj (Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi)*, j.12, Kaherah: al-Matba'ah al-Misriyyah bi al-Azhar, h. 210.

<sup>57</sup> *ibid*

<sup>58</sup> Sahih al-Bukhari (2002), Kitab Zakah, Bab: al-Sidkah bi al-Yamin, No Hadith: 1423, h.346

Zar terhadap penawaran atau permintaan dirinya untuk menjadi ketua dalam satu wilayah tertentu, sehingga Rasulullah (s.a.w.) menyatakan dalam potongan hadith berikutnya yang mafhumnya: “*Sesungguhnya kelayakan bagi jawatan tersebut iaitu calon yang paling berhak yang memiliki sifat yang kuat lagi amanah sehingga dia mampu melaksanakan tugas dan tanggungjawab dia sebagai ketua negara*”<sup>59</sup>. Tetapi jika seseorang yang sememangnya diketahui dia seorang yang mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu, lalu menawarkan diri untuk memangku jawatan tertentu dengan niat tulus ikhlas untuk membantu masyarakat demi kesejahteraan Islam dan penganutnya, maka ianya tidak menjadi halangan apa-apa baginya<sup>60</sup>, kerana satu ketika dahulu pernah berlaku di zaman Nabi Yusuf (a.s.) sepertimana firman Allah (s.w.t.):

قَالَ أَجْعَلْنِي عَلَى خَزَائِنِ الْأَرْضِ إِنِّي حَفِيظٌ عَلِيمٌ

Yusuf berkata: Jadikan aku penjaga perbendaharaan hasil bumi ini; sesungguhnya aku penjaga yang baik, lagi mengetahui cara menguruskannya.

Surah Yusuf (12) : 55

### 3.4. Syarat Fizikal Menurut Pandangan Para Ulama

Pandangan-pandangan para ulama tentang syarat ini boleh ditinjau sepertimana berikut:

#### 3.4.1. Pandangan Ulama Salaf

Ramai dikalangan para ulama salaf menyenaraikan syarat kesihatan fizikal yang wajib sebagai ketua negara. Contohnya seperti Ibn Abi al-Rab‘i telah meletakkan syarat

<sup>59</sup> Abi Ja’far Ahmad bin Muhammad bin Salamah bin ‘Abd al-Malik bin Salmah al-Azdiyy al-Hijriyy al-Misriyy (1415), *Sharh Mushkil al-Athar*, (Tahqiq: Shu’uib al-Arna’ut), Bab: Wa innaha amanah wa innaha yawma al-qiyamah Khiz, j. 1. Bairut: Mu’assasah al-Risalah, h. 48

<sup>60</sup> Sa’id bin ‘Ali bin Wahab al-Qahtani (1421), *Fiqh al-Da’wah fi Sahih al-Imam al-Bukhari*, c. 1, j. 2. Riyadh: Idarah al-Buhuth al-‘Ilmiyyah wa al-Ifta wa al-Da’wah wa al-Irshad, h. 200.

ketua negara sebanyak 13 kriteria, dan syarat kesihatan fizikal tersenarai dinombor dua dengan istilah “*Sahih al-A’da*”<sup>61</sup>. Manakala syarat ketua negara menurut al-Farabi berjumlah dua belas, kesemua syarat tersebut beliau katagorikan sebagai “*al-sifat al-fitriyyah*” yang dibahagikannya kepada lima bahagian, iaitu bahagian pertama yang berhubungkait dengan anggota badan, kedua dengan akal, ketiga dengan kemampuan, keempat dengan intellectuality dan kelima dengan akhlaq. Adapun bahagian pertama yang berhubungkait dengan anggota badan, beliau menggunakan istilah “*tam al-a’ada, qawwaha mawatiah a’adaiha ‘ala al-a’amal allati sha’nuha an takuna biha*”<sup>62</sup>, (Iaitu sempurna anggota badan, yakni mempunyai anggota badan yang kuat, yang membolehkannya melakukan kerja-kerja sebagai ketua negara yang telah menjadi tanggungjawabnya).

Imam al-Mawardi telah mengemukakan tujuh syarat bagi ketua Negara, pada senarai ketiga dan keempat beliau menyatakan; ketua negara mestilah sihat pendengaran, penglihatan dan pertuturan dengan menggunakan istilah “*salamah al-hawas*”, sedangkan pada senarai keempat beliau menyatakan; ketua Negara mestilah seorang yang sempurna anggota tubuhnya dengan istilah “*salamah al-a’ada*”<sup>63</sup>. al-Ghazali mengemukakan sepuluh kriteria, dan dibahagikan kepada dua sifat, enam kriteria sebagai sifat *al-khalqiyyah* (semula jadi) dan empat kriteria termasuk sifat *al-muktasabah* (yang diperolehi). Pada kriteria yang keenam beliau menyatakan,

---

<sup>61</sup> Shihabuddin Ahmad bin Muhammad ibn Abi al-Rabi’ (1996), *Suluk al-Malik fi Tadbir al-Mamalik*, (Tahqiq: Arif Ahmad Abdul Ghani), Syiria: Dar Kannan, h. 39;

<sup>62</sup> ‘Ali Abd al-Wahid Wafi (t.t.), *al-Madinah al-Fadilah li al-Farabi*,. Kaherah: Nahdah Misr, h. 69-70

<sup>63</sup> al-Mawardi (1989), *op. cit.*, h. 5

memiliki pendengaran dan penglihatan yang sehat dengan istilah “*salamah hassah al-sam’i wa al-basari*”<sup>64</sup>.

Adapun idea-idea atau pandangan dan pemikiran politik yang dikemukakan oleh ulama yang tergolong hidup pada priode pertengahan ialah seperti: Ibn Taymiyah (661–728 H), dalam kitabnya *al-Siyasah al-Shar’iyyah fi Islah al-Ra’iyy wa al-Ra’yah*, Ibn Khaldun (732 - 808 H) dalam kitabnya *Muqaddimah Ibn Khaldun*, dan al-Qalqalshandi (756–820 H) dalam kitab *Ma’athir al-Inafah fi Ma’alim al-Khilafah*. Menurut Ibn Taymiyyah, seorang ketua Negara mestilah memenuhi dua syarat, iaitu mempunyai kekuatan atau kecekapan (*al-quwwah*), dan yang kedua mestilah memiliki kejujuran atau dapat dipercayai (*al-amanah*)<sup>65</sup>. Kedua-dua persyaratan tersebut diambil berdasarkan firman Allah (s.w.t.) seperti berikut:

..... إِنَّ خَيْرَ مَنْ اسْتَجَرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ

“... sesungguhnya sebaik-baik pekerja ialah yang kuat, lagi amanah”

Surah al-Qasas (28) : 26

..... قَالَ إِنَّكَ الْيَوْمَ لَدِينَا مَكِينٌ أَمِينٌ

“.... Sesungguhnya engkau pada hari ini, seorang yang berpangkat tinggi, lagi dipercayai dikalangan kami”.

Surah Yusuf (12) : 54

إِنَّهُ لَقَوْلُ رَسُولٍ كَرِيمٍ ١٩ ذِي قُوَّةٍ عِنْدَ ذِي الْعَرْشِ مَكِينٍ ٢٠ مُطَاعٍ ثَمَّ أَمِينٍ

“Sebenarnya al-Quran itu, sungguh-sungguh kalamullah (yang disampaikan oleh Jibril) utusan yang mulia, yang kuat gagah, lagi berkedudukan tinggi, di sisi Allah yang mempunyai Arasy, yang ditaati di sana (dalam kalangan malaikat), lagi dipercayai”.

Surah al-Takwir (81) : 19-21

<sup>64</sup> Imam Abi Hamid al-Ghazali (2001), *Fada’ih al-Batiniyyah*,. Bairut: al-Maktabah al-‘Asriyyah, h. 162

<sup>65</sup> Shaykh al-Islam Ahmad bin Abd al-Halim bin Abd al-Salam Ibn Taymiyah (t.t.), *al-Siyasah al-Shar’iyyah fi Islah al-Ra’iyy wa al-Ra’yah*, (Tahqiq: ‘Ali bin Muhammad al-‘Umran). Jeddah: Dar ‘Alam al-Fawa’id, h. 17

Maksud *al-quwwah* menurut beliau ialah meliputi kekuatan pada setiap kekuasaan berdasarkan kepada apa yang diusahakannya, seperti *al-quwwah* di dalam penguasaan pertempuran merujuk kepada sifat kecekalan hati dan keberanian, bukan kerana pengalaman dan kebiasaan berperang. Kekuatan dalam pertempuran juga membawa maksud kepada kekuatan fizikal untuk melakukan panahan, pukulan, menaiki kuda dan berlari pantas.<sup>66</sup> *al-Quwwah* dalam menegakkan hukum di kalangan masyarakat, merujuk kepada sifat adil, *intellectuality* dan kemampuan mengaplikasikan hukum berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah, sedangkan *al-amanah* ialah merujuk kepada sifat rendah diri di hadapan Allah (s.w.t.).<sup>67</sup>

Meskipun tempoh hidup antara Ibn Taymiyah dengan Ibnu Khaldun tidak begitu jauh berbeza, namun pandangannya terhadap persyaratan ketua negara cukup jauh berbeza, sehingga dalam perkara ini Ibn Khaldun menyatakan dalam kitabnya bahawa seorang ketua negara Islam mestilah ia telah memenuhi lima persyaratan, dan di dalam senarai nombor empat beliau menyatakan bahawa ketua Negara mestilah memiliki sihat badan serta utuh semua panca indera, istilah yang beliau gunakan ialah sama seperti yang dikemukakan al-Mawardi iaitu; "*salamah al-hawwas wa al-a'ada, min ma yu'athir fi al-ra'yi wa al-'amal*".<sup>68</sup> Persyaratan tersebut kemudian menjadi bertambah banyak setelah al-Qalqashandi menuangkan pandangannya dalam kitab "*Ma'athir al-Inafah*" yang berjumlah empat belas, pada senarai nombor empat, lima, enam dan tujuh beliau menyatakan bahawa ketua Negara mestilah tidak buta "*al-rabi' al-basar, fa la tan'qid imamah al-a'ama*", tidak pekak "*al-khamis al-sam'u, fa la*

---

<sup>66</sup> Ibn Taymiyah (t.t.), *op. cit.*, h. 17

<sup>67</sup> Ibn Taymiyah (t.t.), *op. cit.*, h. 18

<sup>68</sup> Abd al-Rahman Ibnu Khaldun (2003), *Muqaddimah Ibn Khaldun*, c. 8., Bairut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 152



*tan'aqid imamah al-'asam*, tidak bisu "*al-sadis al-nutqu, fa la tan'aqid imamah al-akhras*, dan sempurna anggota badan "*al-sabi' salamah al-a'ada min naqsin yamna'u istifa'a al-harakah wa sur'ata al-nuhud*"<sup>69</sup>.

### 3.4.2. Pandangan Ulama Khalaf<sup>70</sup>.

Pandangan mereka terhadap syarat-syarat ketua negara agak sedikit berbeza jika dibandingkan dengan ulama *salaf* dan era pertengahan, seperti pandangan yang telah dikemukakan oleh Hasan Isma'il al-Hudaybi, seorang murshid al-'am (ketua umum) al-Ikhwan al-Muslimin tahun 1948 sehingga 1954. Beliau telah mengemukakan tujuh syarat ketua negara Islam iaitu; seorang imam atau ketua negara mestilah beragama Islam, syarat ini diberlakukan kerana di dalam sebuah negara Islam ketua negara berfungsi sebagai pengganti kenabian dalam perkara hal ehwal keagamaan dan politik, oleh kerana agama rasmi negara adalah agama Islam dan syari'at Islam adalah sebagai konstitusinya, mestilah ia telah mencapai usia dewasa, mestilah ia seorang lelaki, berketurunan Quraish, mampu secara fizikal, memiliki ilmu sehingga mencapai tahap

---

<sup>69</sup> Abu al-'Abbas Ahmad bin 'Abdullah al-Qalqashandi, (2006), *Ma'athir al-Inafah fi Ma'alim al-Khilafah*, c.1, j. 1 (Tahqiq: 'Abd al-Sattar Ahmad Faraj), Bayrut: 'Alam al-Kutub, h. 24-25

<sup>70</sup> Ulama kontemporer iaitu para ulama yang muncul sekitar akhir abad XIX M sehinggalah ulama yang hidup pada zaman sekarang. Kemunculan ulama kontemporer dalam bidang pemikiran politik Islam menurut Munawir Sjadzali dilatar belakangi oleh tiga perkara: *Pertama*, keterbelakangan dan kerapuhan dunia Islam yang disebabkan oleh faktor-faktor internal, sehingga akibatnya bermunculan gerakan-gerakan pembaharuan dan pemurnian. *Kedua*, rasa tidak puas negara Barat terhadap keutuhan kekuasaan politik dan wilayah dunia Islam yang berakhir dengan dominasi atau penjajahan oleh negara-negara Barat keatas wilayah sebahagian besar dunia Islam, disebabkan rusaknya hubungan yang selama ini terjalin dengan baik antara dunia Islam dan Barat, dan berkembangnya dikalangan umat Islam semangat permusuhan dan sikap anti Barat. *Ketiga*, kesungguhan Barat dalam bidang Ilmu, teknologi dan organisasi, lihat: Munawir Sjadzali (1990), *Islam dan Tata Negara*, c. 1, Jakarta: Universitas Indonesia Press, h. 115

Kelompok ulama kontemporer kebanyakannya mempunyai keilmuan atau pengetahuan yang mereka kuasai didapat melalui pendidikan formal, sehingga kebanyakan golongan ulama ini mempunyai gelar akademik seperti Ph.D (Doctor of Philosophy), Prof. (Professor) dan sebagainya. Ulama kontemporari selalunya lebih dikenali dengan sebutan Ilmuwan atau Cendekiawan berbanding dengan sebutan Ulama. Adapun beberapa contoh ulama kontemporari yang telah memberikan pandangannya terhadap syarat-syarat ketua negara ialah seperti: Hasan Ismail al-Hudaybi, ketua umum al-Ikhwan al-Muslimin dari tahun 1948-1954 M, al-Mawdudi (1903-1979 M), Muhammad Abd al-Qadir Abu Faris, Muhammad Dhiya al-Din al-Rayis, Abd al-Wahab Khallaf, dan Taqi al-Din al-Nabhani dan sebagainya.

sebagai seorang mujtahid, dan mestilah ia seorang yang tegas memberantas kefasikan dan kemaksiatan.<sup>71</sup>

Pandangan tersebut hampir serupa dengan pandangan al-Mawdudi yang juga telah mengemukakan lima syarat ketua negara Islam, iaitu: mestilah ia beragama Islam, mestilah seorang lelaki, dewasa, sihat fizikal dan mental, warga negara Islam yang terbaik, saleh, dan memiliki iltizam yang kuat kepada Islam.<sup>72</sup> Muhammad ‘Abd al-Qadir Abu Faris telah meringkaskan syarat-syarat ketua negara sebanyak tujuh kriteria iaitu: seorang imam atau ketua negara mestilah mempunyai garis keturunan quraysh, mestilah ia seorang lelaki yang beragama Islam, merdeka, dewasa serta berakal sihat, mestilah ia mempunyai sifat adil atau memiliki integriti moral yang tinggi, memiliki kemampuan untuk mentadbir negara, melindungi, dan memakmurkan rakyat, berpengetahuan luas khususnya dalam bidang politik, mempunyai ilmu sehingga ia mampu melakukan ijtihad, mestilah ia sihat panca indera dari kecacatan pendengaran dan penglihatan, mestilah ia sihat anggota badan dari sebarang kecacatan yang boleh memberikan impak kepada kecergasan<sup>73</sup>.

Syarat ketua negara selain yang beliau sebutkan di atas dalam pembahsan yang lainnya beliau menyatakan bahawa, syarat-syarat tersebut masih boleh ditambah dengan persyaratan yang lainnya jika ia diperlukan dan dianggap patut untuk disesuaikan dengan dinamika dan perubahan zaman serta tuntutan bagi kemaslahatan umat.<sup>74</sup> Sedangkan syarat mengenai sihat panca indera dan anggota fizikal lainnya,

---

<sup>71</sup> al-Hudaybi, Hasan Isma‘il (1977) *Du‘at... la Qudat*. Kaherah: Dar al-Tiba‘ah wa al-Nashr al-Islamiyyah, h. 132-133

<sup>72</sup> Sayyid Abu al-A‘la al-Maududi (1997), *The Islamic Law and Constitution*. Lahore: Islamic Publication, h. 233-234

<sup>73</sup> Muhammad ‘Abd al-Qadir Abu Faris (t.t.) *al-Qadi Abu Ya‘la al-Farra wa Kitabuhu al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Kaherah: Mu‘assasah al-Risalah, h.358-359

<sup>74</sup> Muhammad Abdul Qadir Abu Faris (2000), *Sistem Politik Islam*, terj. Musthalah Maufur dari *al-Nizham al-Siyasi fi al-Islam*. Jakarta: Rabbani Press, h. 121-131

menurut Abu Faris ianya bermaksud ketua negara tidak menderita cacat fizikal yang teruk dan keterlaluhan sahaja, sehingga ia boleh mengganggu kelancaran tugas harian sebagai ketua negara, seperti buta, bisu, pekak, atau kudung kedua belah tangan dan atau kedua-kedua kakinya. Namun jika kecacatan tersebut hanya melibatkan kecacatan ringan sahaja yang terdapat pada salah satu anggota badannya, dan ianya hanya berimpak pada penampilannya sahaja, bukan pada tugasannya sebagai ketua negara, maka perkara tersebut tidak akan menjadi apa-apa masalah.<sup>75</sup>

Adapun Muhammad Diya al-Din al-Rayis telah membezakan syarat-syarat ketua negara Islam kepada dua bahagian. *Pertama*, syarat-syarat inti yang telah disepakati iaitu terdiri daripada lima perkara: berilmu atau mampu berijtihad, memiliki wawasan dalam bidang politik, perang, dan administrasi, sihat mental dan fizikal, adil dan berakhlak mulia dan mempunyai kelayakan kepimpinan yang sempurna ianya meliputi lima perkara, iaitu: beragama Islam, merdeka, laki-laki, baligh, dan berakal *Kedua*, syarat yang belum disepakati atau masih diperselisihkan keabsahannya, yang hanya terdiri dari satu syarat, yaitu syarat keturunan Quraish<sup>76</sup>. Pandangan yang hampir serupa telah dikemukakan oleh ‘Abd al-Wahab Khallaf, beliau juga telah membezakan syarat-syarat ketua negara Islam ke dalam dua kategori. *Pertama*, syarat-syarat yang telah disepakati, yang mencakupi enam syarat, iaitu: adil, berilmu yang memungkinkannya melakukan ijtihad, sihat panca inderanya dan lengkap anggota fiziknya, mempunyai visi kepimpinan yang jelas, dan mempunyai keberanian untuk melawan musuh-musuhnya. *Kedua*, syarat yang masih belum

---

<sup>75</sup> *Ibid.*, h. 128

<sup>76</sup> Muhammad Diya al-Din al-Rayis (1976), *al-Nazariyat al-Siyasah al-Islamiyyah*, c. 7., Kaherah: Makatabah Dar al-Turath, h. 287-293

disepakati atau masih diperselisihkan kesahihannya, yang hanya terdiri dari satu syarat juga, iaitu syarat keturunan Quraisy.<sup>77</sup>

Demikian juga huraian yang dikemukakan oleh Taqiyuddin al-Nabhani, beliau telah membezakan syarat-syarat ketua negara kepada dua kategori. *Pertama*, syarat-syarat sah perlantikan jawatan (*shurut al-in'iqad*), iaitu syarat-syarat untuk menentukan perlantikan jawatan khalifah/ ketua negara tersebut sah ataupun tidak, jika syarat-syarat tersebut dipenuhi, maka perlantikan ketua negara dianggap sah, tetapi jika salah satu dari persyaratan tersebut tidak dipenuhi, maka seseorang tidak dapat atau tidak sah memangku jawatan khalifah/ ketua negara. Syarat-syarat tersebut ialah: mestilah ia seorang Muslim, lelaki, baligh, berakal, adil, merdeka bukan hamba, dan yang terakhir ialah mampu memikul amanah sebagai khilafah *Kedua*, syurut afdaliyyah, iaitu syarat-syarat keutamaan yang jika dipenuhi oleh calon khalifah/ketua negara akan menjadi nilai tambah baginya. Tetapi jika tidak dipenuhi, ianya tidak akan berpengaruh apa-apa terhadap status kedudukan jawatan seseorang tersebut<sup>78</sup>. Ertinya perlantikan jawatan ketua negara oleh seseorang tetap dianggap sah walaupun tidak memenuhi persyaratan *afdhaliiyyah* tersebut di atas.

Adapun *syurut al-afdaliyyah* terdiri daripada empat kriteria, iaitu: *pertama*, mestilah ia seorang yang bertaraf mujtahid. Tetapi jika ia bukan seorang mujtahid, maka perlantikannya sebagai ketua negara tetap sah, *kedua* mestilah ia seorang pemberani dan politikus yang handal lagi hebat dalam urusan pentadbiran rakyatnya. Tetapi jika syarat ini tidak terdapat, maka perlantikannya sebagai ketua negara tetap sah, *ketiga* mestilah berketurunan Quraysh. Syarat ini bukan syarat *al-in'iqad*,

---

<sup>77</sup> Abdul Wahab Khallaf, *op. cit.*, h. 55-56

<sup>78</sup> Taqiyuddin al-Nabhani, *op. cit.*, h. 66-70

sehingga walaupun seorang calon tersebut bukan daripada keturunan Quraysh, tetap ia sah dipilih sebagai ketua negara, *keempat* mestilah ia keturunan Bani Hashim atau keturunan ‘Ali Ibn Abi Talib. Tetapi jika seseorang tersebut bukan keturunan Bani Hashim atau bukan keturunan ‘Ali Ibn Abi Talib, ia tetap sah diangkat sebagai ketua negara. Contohnya khalifah Abu Bakar, ‘Umar, dan Uthman telah terpilih sebagai khalifah padahal ketiga-ketiganya bukan keturunan Bani Hasyim dan bukan juga keturunan ‘Ali Ibn Abi Talib.<sup>79</sup>

### 3.5. Analisis Kajian

Syarat kekuatan yang dimaksud dari keseluruhan perbincangan ialah kekuatan fizikal dan intelektual, sepertimana kisah Talut pada zaman Nabi Daud (a.s.) yang memiliki kekuatan intelektual (*al-'ilm*) dan kekuatan fizikal (*al-jism*), sehingga ia mampu mengalahkan tentara Jalut, ini sesuai dengan apa yang telah diceritakan Allah dalam Surah al-Baqarah Ayat 247 tersebut di atas. Di samping ia juga adalah kekuatan sakhsyiah diri, kekuatan ini meliputi sifat tenang, percaya diri, berani, bertanggungjawab, dan mampu melindungi diri sendiri dan juga orang lain yang dipimpinya. Kedua-dua maksud kekuatan (*al-quwwah*) tersebut menurut Ibn Taimiyyah boleh digunapakai untuk semua jawatan dalam pemerintahan. Namun, kualifikasi sifat *al-quwwah* dan *al-amanah* adalah sifat yang amat sukar didapati pada diri seseorang<sup>80</sup>.

Oleh yang demikian, sekiranya terdapat dua pilihan calon yang akan dicalonkan bagi menduduki jawatan ketua negara, dan pada setiap keduanya

---

<sup>79</sup> *Ibid.*, h. 70-72

<sup>80</sup> Taqiyuddin Abu al-‘Abbas Ahmad bin Taimiyyah (1983), *al-Siyasah al-Syari'iyah fi Islah al-Ra'i wa al-Ra'yah*, c1. Bairut: Dar al-Afaq al-Jadidah, h. 16-17

mempunyai ciri-ciri atau identiti tersendiri, iaitu calon pertama mempunyai ciri kekuatan atau kecekapan, dan calon yang kedua mempunyai sifat yang boleh dipercayai (jujur dan adil). Calon manakah yang akan dipilih dan diutamakan untuk menduduki jawatan tersebut?<sup>81</sup>. Jawapan bagi pilihan tersebut adalah bersifat objektif dan amat fleksibel, kerana sesungguhnya ia bergantung kepada situasi dan kondisi semasa, serta mengikut kepada tuntutan bagi kemaslahatan yang dihadapi oleh masyarakat dalam sesebuah negara tertentu.

Oleh yang demikian maka penulis amat bersetuju dengan pandangan Ibn Hazmi yang mengecualikan syarat kesihatan bagi calon pemimpin atau ketua negara untuk menerajui sesebuah negara, demikian juga pandangan al-Khattabi yang menyatakan bahawa memilih ketua negara yang mempunyai cacat penglihatan sama sekali tidak dimakruhkan baginya untuk dilantik sebagai ketua negara. Kerana bagi penulis, perkara yang paling penting bagi calon jawatan ketua negara ialah berakal sihat, berpengetahuan luas, berkemampuan dalam mentadbir, berwibawa dan berlaku adil bagi semua. Sebagai hujah bagi pandangan tersebut terdapat beberapa riwayat yang menyatakan bahawa Nabi Muhammad (s.a.w.) setiap kali keluar meninggalkan kota al-Madinah al-Munawwarah untuk berperang, beliau menyerahkan semua urusan pentadbiran negara kepada ‘Abdullah Ibn Ummi Maktum, beberapa riwayat tersebut antaranya ialah hadith Nabi Muhammad (s.a.w.) yang berbunyi sebagai berikut:

عن أنس أن النبي ﷺ استخلف ابن أم مكتوم على المدينة مرتين (رواه أبو داود)<sup>82</sup>

Dari Anas sesungguhnya Nabi Muhammad (s.a.w.) pernah meminta Abdullah Ibn Ummi Maktum (yang buta) untuk menjadi pemimpin (ketua negara) Madinah sebanyak dua kali.

---

<sup>81</sup> *Ibid.*, h. 16

<sup>82</sup> Abu Daud, Hadith no: 2931, *op. cit.*, h. 22

Berdasarkan hadith tersebut jelas menunjukkan bahawa Rasulullah (s.a.w.) telah melantik Abdullah Ibn Umm Maktum untuk menggantikannya semasa ketiadaannya. Perlantikan ini tidak terhad kepada tugas beliau sebagai imam dalam sembahyang, namun ia meliputi perkara pentadbiran hal ehwal kenegaraan. Dalam riwayat lain malah disebutkan bahawa perlantikan tersebut berlaku lebih daripada dua kali. sepertimana diriwayatkan dalam beberapa hadith berikut:

عن ابن عباس أن النبي ﷺ استخلف ابن أم مكتوم على الصلاة وغيرها من أمر المدينة.<sup>83</sup>  
 Riwayat daripada Ibn Abbas bahawa Nabi (s.a.w.) pernah melantik Ibn Umm Maktum di Madinah untuk menjadi Imam solat dan untuk perkara-perkara yang lainnya.

وعن أنس رضي الله تعالى عنه قال: أن النبي ﷺ استخلف ابن أم مكتوم في بعض غزواته ويؤم الناس وهو أعمى.<sup>84</sup>

Riwayat yang lain daripada Anas, dia berkata bahawa Nabi (s.a.w.) pernah melantik Ibn Umm Maktum seorang yang buta untuk menjadi imam solat pada sebahagian waktunya ketika baginda keluar untuk berperang dan tugas menjadi imam bagi sembahyang berjamaah.

وقال الحافظ بن عبد البر: روى جماعة من أهل العلم بالنسب والسير أن النبي ﷺ استخلف ابن أم مكتوم ثلاث عشرة مرة في الأبواء وبواط وذوي العشيرة، وغزوته في طلب كرز بن جابر، وغزوة السويق، وغطفان، وفي غزوة أحد، وحمراء الأسد، ونجران، وذات الرقاع، وفي خروجه من حجة الوداع، وفي خروجه إلى بدر.<sup>85</sup>

Riwayat yang lain dari Ibn ‘Abd al-Barr, beliau meriwayatkan daripada sekumpulan pakar dalam bidang geografis dan sejarah, bahawa Nabi (s.a.w.) pernah melantik Ibn Umm Maktum menjadi khalifah sebanyak tiga belas kali, iaitu ketika di Abwa, di Bawwat dan di Dzil ‘Ashirah serta ketika Ghazwah Thalb bin Jabir, Ghazwah al-Suwaiq, Ghatfan, Uhud, Hamra al-Asad, Najran, Dzat al-Riqa dan ketika baginda keluar melakukan haji wida’ dan ketika baginda keluar ke Badr.

<sup>83</sup> Hadith diriwayatkan oleh Imam Ahmad, no 12530, j. 10, h. 132

<sup>84</sup> *ibid*, h. 192

<sup>85</sup> Abu al-Fadl Ahmad bin ‘Ali bin Muhammad bin Ahmad bin Hajar al-‘Asqalani (1994), *al-Isabah fi Tamyiz al-Sahabah*, j. 4, c. 1. (Tahqiq: ‘Adil Ahmad ‘Abd al-Mawjud, *et al.*). Bairut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 496; Ibn Hajar al-‘Asqalani (2012), *Tahzib al-Tahzib*, j. 3. Bairut: Mu’assasah al-Risalah, h. 270; Muhammad Ashraf bin Amir al-Azim Abadi (2002), *‘Awnu al-Ma’bud ala Sunan Abi Daud*, Kitab al-Kharaj wa al-Faie wa al-Imarah, Bab fi al-Darir Yuwalla. Amman: Bait al-Afkar al-Dawliyyah, h. 1248

Berdasarkan beberapa riwayat tersebut di atas jelas menunjukkan bahawa baginda Nabi Muhammad (s.a.w.) amat mempercayai dan menghargai seorang sahabat yang daif bernama ‘Abullah Ibn Umm Maktum, bagi pihaknya mewakili segala urusan pentadbiran kenegaraan di Madinah, serta kepimpinan dalam sembahyang. Perkara tersebut juga membuktikan bahawa kecacatan yang terdapat pada seseorang, sama sekali tidak menghalangi kelayakannya untuk menduduki sesebuah jawatan jika dia dipercayai mampu untuk melaksanakan segala amanat yang dibebankan kepadanya dengan cara apa sekalipun, yang terpenting seseorang tersebut mempunyai kemampuan dalam kepimpinan bangsa dan negara berasaskan kepada keadilan dan kebijaksanaan yang menyeluruh.

Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Abd al-Bar tersebut di atas, adalah merupakan hadith yang cukup populer, perkara ini dibuktikan dengan terdapatnya para ulama selain Ibn Hajar al-‘Asqalani dalam dua kitab beliau iaitu *al-Isabah* dan *Tahzib al-Tahzib* sepertimana yang telah penulis sebutkan di atas. Adapun di antara para ulama yang lainnya seperti Ibn Qaimaz al-Zahabiyy dalam kitab *Siyar A’alam al-Nubala*, ‘Abd al-Rahman Ra’fat al-Basha dalam kitab *Suwar min Hayah al-Sahabah*, Ibn ‘Abd al-Barr dalam kitab *al-Isti’ab fi Asma al-Sahabah*, Jamaluddin Abi al-Hujjaj dalam kitab *Tahzib al-Kamal fi Asma al-Rizal* dan Akram Haniya al-‘Umari dalam kitab *Tarikh Khalifah bin Khayyat* <sup>86</sup>. Antara para ulama tersebut didapati ketika

---

<sup>86</sup> Imam Abi ‘Abdillah Shamsuddin Muhammad bin Ahmad bin ‘Uthman bin Qaimaz al-Zahabiyy (2004), *Siyar A’alam al-Nubala*, (Tahqiq: Hassan ‘Abd al-Mannan), j. 1. Libanon: Bait al-Afkar al-Dawliyyah, h. 1158-1159; ‘Abd al-Rahman Ra’fat al-Basha (1992), *Suwar min Hayah al-Sahabah*, c.1., Bairut: Dar al-Nafais, h. 151; Abi ‘Umar Yusuf bin ‘Abd al-Barr al-Namri al-Qurtubi (2006), *al-Isti’ab fi Asma al-Sahabah*, j. 3., Bairut: Dar al-Fikr, h. 106; Jamaluddin Abi al-Hujjaj Yusuf al-Muzi (1992), *Tahzib al-Kamal fi Asma al-Rizal*, j. 22., Bairut: Mu’assasah al-Risalah, h. 26.; Akram Haniya al-‘Umari (1985), *Tarikh Khalifah bin Khayyat*,. Riyadh: Dar Tayyibah, h. 96.



mereka menyebut atau menceritakan riwayat tentang Ibnu Ummi Maktum di dalam kitab-kitab karya agung mereka, majoriti menggunakan lafaz hadith yang serupa sepertimana juga yang dikemukakan oleh Ibn Hajar al-‘Asqalani di dalam dua kitab tersebut di atas.

Perkara ini membuktikan bahawa hadith tentang perlantikan Ibn Ummi Maktum oleh baginda Rasulullah (s.a.w.) di Madinah semasa ketiadaannya adalah benar-benar pernah berlaku dalam sejarah Islam. Oleh yang demikian maka tidak diragukan lagi bahawa kedudukan hadith tersebut adalah *sahih*, sepertimana *takhrij* yang telah dilakukan oleh Shaikh al-Albani dalam kitabnya *Sahih Sunan Abi Daud Li al-Sajastani*,<sup>87</sup>. Adapun hujah atau sebab mengapa Rasulullah (s.a.w.) memilih ‘Abdullah Ibn Ummi Maktum, majoriti ulama sepakat bahawa berlakunya perlantikan ini adalah merupakan satu bentuk *ikram* atau kemuncak penghormatan baginda terhadapnya, sepertimana yang dikemukakan oleh Prof. Dr. ‘Abdurrahman Ra’fat al-Basha seperti berikut:

لقد بلغ من إكرام النبي صلى الله عليه وسلم لابن أم مكتوم رضي الله عنه أن استخلفه على المدينة عند غيابه عنها بضع عشرة مرة، كانت إحداها يوم غادرها لفتح مكة، وهذه مرتبة عالية جدا أن يختار النبي هذا الصحابي الجليل نائبا عنه في إدارة شؤون المدينة في غيابه.

Sesungguhnya bentuk kemuncak penghormatan baginda Nabi (s.a.w.) terhadap Ibn Ummi Maktum ialah perlantikan beliau sebanyak sebelas kali semasa ketiadaan baginda di Madinah keluar bagi tujuan urusan peperangan antaranya ialah semasa pembukaan dan penaklukan kota Makkah. Pemilihan baginda ini merupakan satu bentuk *ikram* yang sangat tinggi bagi menggantikan diri baginda menguruskan dan mengendalikan hal ehwal kenegaraan di Madinah<sup>88</sup>.

---

<sup>87</sup> Muhammad Nasiruddin al-Albani (1998), *Sahih Sunan Abi Daud Li al-Sajastani*, Hadith no. 2931, j. 2., c. 1., Riyadh: Maktabah al-Ma’arif, h. 228

<sup>88</sup> ‘Abd al-Rahman Ra’fat al-Basha (1992), *Suwar min Hayah al-Sahabah*, c.1., Bairut: Dar al-Nafais, h. 151-152.

Kajian mendapati, bahawa perlantikan sementara terhadap Ibn Ummi Maktum di Madinah adalah merupakan satu bentuk penghargaan Rasulullah (s.a.w.) kepadanya, perkara ini berlaku selepas baginda mendapat teguran serta merta secara langsung daripada Allah (s.w.t.) melalui malaikat Jibril (a.s.) dalam Surah ‘Abasa Ayat 1-16. Teguran ini berlaku atas sikap baginda ketika mengabaikan kedatangan dan permintaan Ibn Ummi Maktum untuk diajarkan beberapa ayat al-Qur’an dalam keadaan baginda ketika itu sedang sibuk melayan para pembesar kafir Quraish dengan harapan agar mereka boleh menerima risalah tauhid, kerana diharapkan ianya akan memperkuat lagi kedudukan agama Islam dan langkah da’wah baginda akan menjadi semakin bertambah kukuh<sup>89</sup>. Semenjak berlakunya kes yang pertama tersebut baginda sentiasa mengambil berat segala urusan mahupun perkara-perkara yang diperlukan oleh ‘Abdullah Ibn Ummi Maktum, baginda akan sentiasa mendahulukan keperluannya, memuliakannya, dan menyambutnya dengan penuh hormat setiap kali beliau mendatangi majelis baginda dan bertanyakan kabar kepadanya<sup>90</sup>.

Sementara Ayat al-Qur’an yang kedua yang khas diturunkan Allah (s.w.t.) iaitu terdapat dalam Surah al-Nisa Ayat 95 tentang bantahan Ibn Ummi Maktum terhadap kelebihan orang yang pergi berjihad dan orang yang tidak berjihad, ini kerana beliau menyedari bahawa dirinya adalah seorang yang mempunyai cacat penglihatan, sehingga beliau beranggapan bahawa ayat ini tidak memberikan keadilan kepada orang-orang sepertinya, “*Ya Rasulallah law astati ‘u al-jihad lajahadtu*” ya Rasulullah jika saya mampu berjihad dimedan perang, niscaya saya pasti akan pergi berjihad, kemudian beliau berdoa “*Allahumma anzil ‘uzri, Allahumma anjil ‘uzri*”, maka

---

<sup>89</sup> Ismail bin ‘Umar bin Kathir al-Qurashiy al-Dimashqiyy (2002), *Tafsir Ibn Kathir*, j. 8., Riyadh: Dar al-Tayyibah, h. 319

<sup>90</sup> *op.cit.*, h. 154

dengan segera Allah (s.w.t.) menurunkan tambahan ayat sebagai pengecualian bagi orang-orang yang mempunyai *darar* seperti dirinya<sup>91</sup>. Jika Allah (s.w.t.) begitu cepat mengabulkan permohonan beliau sebagai tanda penghormatan-Nya kepadanya, maka Rasulullah (s.a.w.) akan melakukannya melebihi apa yang telah Allah lakukan kepadanya.

Berdasarkan beberapa huraian persyaratan tersebut di atas, penulis juga mendapati bahawa di antara beberapa senarai persyaratan tersebut adalah merupakan hasil tafsiran daripada syarat-syarat yang telah dikemukakan oleh para ulama secara ringkas dan padat. Seperti empat persyaratan pertama yang dikemukakan oleh Muhammad Diya al-Din al-Rayis, iaitu: syarat berilmu atau mampu berijtihad, memiliki wawasan dalam bidang politik, perang, dan pentadbiran, sihat mental dan fizikal, adil dan berakhlak mulia. Kesemua persyaratan tersebut hanyalah merupakan perluasan atau pentafsiran lebih lanjut daripada syarat memiliki kekuatan yang dikemukakan oleh Ibn Taymiyah, yang antara lain, dapat diperluas menjadi: memiliki kekuatan intelektual, fizikal, mental, dan moral atau akhlak sepertimana yang telah ditafsirkan oleh al-Rayis dalam empat syarat tersebut.

Adapun berlakunya perbezaan pandangan mengenai syarat-syarat yang mesti dipenuhi oleh calon ketua negara dikenal pasti kerana wujudnya beberapa faktor antaranya ialah: *Pertama*, wujudnya perbezaan pandangan di kalangan para ulama yang terbahagi kepada dua pemikiran, iaitu pandangan mengenai bagaimana sepatutnya syarat-syarat ketua negara tersebut dirumuskan. Pandangan kelompok ini melihat bahawa sudah mencukupi jika syarat-syarat ketua negara dirumuskan secara

---

<sup>91</sup> Abi al-Hasan ‘Ali bin Ahmad al-Wahidi al-Naisaburi (1992), *Asbab al-Nuzul* (Tahqiq: ‘Isam bin Abd al-Muhsin al-Hamidani), c. 3., al-Dammam: Dar al-Islah, h. 175-177

*'ijaz*. Sementara pandangan kelompok yang lainnya mempunyai pandangan sebaliknya, iaitu mereka memandang perlu syarat-syarat ketua negara dirumuskan secara *tafsili*. Oleh kerananya bagi kelompok pertama yang memandang syarat-syarat ketua negara tersebut cukup dirumuskan secara ringkas, sehingga mereka lebih suka mengemukakan persyaratan yang relatif sedikit. Sebaliknya bagi kelompok kedua pula mereka merasa perlu meletakkan persyaratan ketua negara itu dirumuskan secara terperinci, maka bagi kelompok ini mereka lebih suka mengemukakan persyaratan yang terperinci bahkan bila perlu persyaratan tersebut akan terus ditambah dari semasa kesemasa sepertimana pandangan Muhammad 'Abd al-Qadir tersebut di atas.

*Kedua*, kerana wujudnya perbezaan realiti sosial dan sejarah yang dihadapi oleh para ulama ketika merumuskan syarat-syarat ketua negara itu. Realiti sejarah dan sosial yang dihadapi para ulama pada masa klasik dan pertengahan, misalnya, realiti yang dihadapi oleh keduanya tentu sahaja sangat berbeza dengan yang dihadapi para ulama di era kontemporer ini. Oleh kerana itu, tidak aneh jika syarat-syarat ketua negara yang dirumuskannya juga berbeza antara satu dengan yang lainnya.

*Ketiga*, kerana wujudnya perbezaan visi politik yang dianut oleh masing-masing ahli tatanegara Islam, di antaranya ada yang menganut visi politik yang bercirikan humaniti, dan ada pula yang sangat anti terhadap visi politik yang bercirikan humaniti. Ulama yang menganut visi politik yang bercorak humaniti cenderung lebih menghargai semua umat manusia tanpa memandang bahasa, bangsa, etnik, gender, darjah, keturunan, ataupun agama. Sepertimana pandangan Dirar Ibn 'Amr al-Ghatfani dari kalangan Khawarij<sup>92</sup> dan juga pandangan Imam Abu Hanifah beserta pengikut-

---

<sup>92</sup> Ibn 'Abidin, Muhammad Amin (1998), *Nuzhah al-Nawazir 'Ala al-Ashbah wa al-Naza'ir*, (Tahqiq: Muhammad Muti' al-Hafiz), Kaherah: Dar al-Fikr, h. 146-147

pengikutnya<sup>93</sup>, mereka secara tegas menolak syarat keturunan Quraysh, syarat mujtahid dan syarat merdeka atau bukan hamba, maka pandangan ini dapat dikategorikan ke dalam kelompok pemikiran yang menganut visi politik yang bercirikan humaniti. Kes tersebut merujuk kepada peristiwa yang pernah berlaku pada masa pemerintahan Mu‘awiyah (r.a.), dimana ketika itu para sahabat tetap setia di bawah pemerintahannya meskipun umum mengetahui bahawa beliau bersengketa dengan Sayyidina ‘Ali bin Abi Talib (k.w.) atas perlantikannya sebagai khalifah<sup>94</sup>.

*Keempat*, mengikut hemat penulis ialah kerana Nabi Muhammad (s.a.w.) semasa hayatnya tidak pernah menyentuhnya secara langsung dan juga tidak pernah meletakkan syarat khas kepada umatnya. Kerana itu, maka para ulama terpaksa menjelaskannya berdasarkan pendapat dan pandangannya sendiri berasaskan kepada kemaslahatan semasa. Demikian juga punca berlakunya perbezaan ulama dalam aspek persyaratan fizikal bagi pemimpin atau ketua negara, menurut hemat penulis disebabkan kerana wujudnya beberapa percanggahan dalam mentafsirkan beberapa surah dalam al-Qur’an tentang pernyataan Allah (s.w.t.) terhadap kekuatan fizikal pada diri seorang pemimpin, dan juga kerana tidak terdapatnya nas yang jelas dan tegas bagi larangan perlantikan orang kurang upaya untuk menjadi pemimpin atau ketua negara, berbeza dengan persyaratan-persyaratan yang lainnya sepertimana yang penulis bincangkan di atas.

Oleh itu, syarat kesihatan fizikal bukanlah satu syarat kemestian yang wajib bagi mana-mana calon ketua negara, akan tetapi ia merupakan salah satu syarat

---

<sup>93</sup> al-Tarsusiyy, Najm al-Din Ibrahim bin ‘Ali (1992), *Tuhfah al-Tark fima Yajib An Ya ‘mal fi al-Mulk*, c. 1, (Tahqiq: Dr. Ridwan al-Sayyid), Bayrut: Dar al-Tali‘ah, h. 63

<sup>94</sup> Ibn ‘Abidin, *op.cit*, h. 147

kesempurnaan semata. Syarat kesihatan fizikal adalah merupakan syarat bagi menggambarkan bentuk kesihatan bagi kesempurnaan anggota tubuh seseorang calon ketua negara secara umum, syarat tersebut ianya merangkumi syarat kesejahteraan panca indera. Kecacatan penglihatan merupakan salah satu contoh syarat yang termasuk ke dalam bentuk kategori syarat kesejahteraan panca indera. Hubungkait perkara ini ialah bagi merujuk satu kes yang pernah berlaku di Indonesia ketika Gus Dur seorang yang mempunyai cacat penglihatan dilantik menjadi ketua negara atau Presiden yang membawa kepada berlakunya polemik antara golongan yang bersetuju dan tidak bersetuju.

Menurut hemat penulis, perlantikan Gus Dur ketika itu adalah pilihan yang paling tepat dan amat sesuai, demi kemaslahatan umum bangsa Indonesia, kerana melihat kepada keadaan dan kondisi politik masa itu yang belum stabil pasca berakhirnya pemerintahan rezim Orde Baru yang dipimpin Soeharto. Perjalanan demokrasi yang sesungguhnya baharu sahaja bermula, banyak perkara-perkara yang belum dapat diaplikasikan dan belum dapat diterima oleh semua kalangan rakyat Indonesia. Meskipun negara Indonesia bukan negara Islam, tetapi ia termasuk negara yang mempunyai bilangan penduduk muslim terbanyak di dunia. Oleh yang demikian, antara perkara yang masih dianggap sensitif ialah penerimaan masyarakat terhadap kepimpinan ketua negara yang diketuai oleh seorang perempuan. Sepertimana diketahui bahawa Parti Demokrasi Indonesia Perjuangan (PDIP) yang dipengerusikan oleh Megawati telah berjaya mendapat suara majoriti dalam pilihan raya umum pada tahun 1999, dan lazimnya pengerusi parti akan dipilih dan dicalonkan menjadi Presiden oleh anggota parlimen, kelaziman tersebut adalah merujuk kepada perlembagaan sebelum adanya perubahan yang berlaku sekarang.

Kejayaan PDIP secara majoriti mudah (*simple majority*), tetapi pada masa yang sama mereka tidak mampu membangunkan komunikasi dengan ahli-ahli politik lain, sehingga menyebabkan kebuntuan politik menjelang persidangan umum parlimen. Walau bagaimanapun PDIP merupakan parti pemenang dalam pilihan raya tersebut, maka dalam konfigurasi kekuasaan haknya tidak boleh diabaikan begitu sahaja. Tetapi pada masa yang sama ia dilihat tidak cekap dalam meyakinkan kekuatan politik lain, sehingga menyukarkan Megawati untuk menduduki jawatan sebagai Presiden. Impak daripada kemelut ini meresap sehingga keakar umbi, sehingga dipercayai jika perkara tersebut dibiarkan akan berbahaya bagi masa depan politik Indonesia, maka diperlukan alternatif segera bagi menghadapi kemelut kebuntuan politik tersebut.

Terdapat dua calon presiden iaitu Megawati dari parti PDIP dan Habibie dari parti Golkar, keduanya mempunyai risiko yang sama sekiranya terpilih menjadi presiden<sup>95</sup>. Oleh yang demikian, maka Amin Rais tampil mencoba menawarkan “Poros Tengah” sebagai jalan penyelesaian, dengan mencalonkan Gus Dur sebagai calon presiden. Ketika persidangan umum parlimen dilaksanakan pada tanggal 14 Oktober 1999, terdapat tiga calon presiden iaitu Megawati dari parti PDIP, Habibie dari parti Golkar dan Gus Dur yang dicalonkan oleh Poros Tengah iaitu gabungan antara parti PKB dengan parti PAN. Sepertimana yang telah dijangka sebelumnya, kedua-dua parti besar PDIP dan Golkar akan terlibat pertelagahan iaitu saling hentam

---

<sup>95</sup> Risiko yang dimaksud ialah akan berlakunya ketegangan politik dalaman dan luaran, ketegangan politik dalaman ialah berlakunya ketegangan di antara sesama elit politik kedua-dua parti besar iaitu PDIP dan GOLKAR yang sememangnya tidak pernah damai dari dahulu lagi, sedangkan ketegangan politik luaran ialah berlaku dikalangan masyarakat awam, kerana ketidakpuasan mereka terhadap kedua-dua calon tersebut. Megawati kerana gender dan Golkar kerana parti korup pembawa masalah.

pernyataan melalui media masa, sehingga membawa kepada berlakunya perseteruan secara fizikal oleh masing-masing para pendukungnya.

Pertelagahan tersebut dimanfaatkan sepenuhnya oleh Poros Tengah untuk menaikkan lagi popularitinya sebagai gerakan politik alternatif di tengah kebuntuan disebabkan pertelingkahan antara Habibie dan Megawati tersebut. Ketegangan antara keduanya terus berlaku sehingga ke dalam persidangan umum ahli dewan parlimen, perkara tersebut dapat difahami kerana PDIP sebagai parti pemenang pilihan raya legislatif, merasakan seolah-olah setiap pergerakannya telah dikunci sehingga mereka tidak berdaya. Amin Rais sebagai seorang tokoh utama reformasi mempunyai kredibiliti bagi menggalang komunikasi untuk memperkukuh dukungan daripada parti-parti lain terhadap Poros Tengah. Sehingga pada akhirnya Gus Dur dipilih menjadi Presiden hasil daripada undian suara oleh para anggota ahli dewan di Parlimen, bagi meredakan ketegangan politik Gus Dur telah memilih Megawati sebagai timbalannya, dengan demikian maka ketegangan politik juga akhirnya beransur-ansur mereda di kalangan para pendukung mereka masing-masing.